ڤتيقن تيته

## PETIKAN TITAH

"BETA sukacita mengingatkan, bahawa semua pengorbanan tidak ada titik akhirnya. Ia berlaku selama hayat dikandung badan. Semangat rela berkorban, sama sekali tidak boleh padam. Kerana jika padam, maka lemahlah 'daya tahan' bangsa. Bayangkan, kalau 'daya tahan' ini lemah, maka apakah yang dapat dibuat lagi untuk memperkasa bangsa dan negara?"
- Titah Sempena Upacara Sovereign's Parade Pengambilan Ke-16 Sekolah Pegawai Kadet, Akademi Pertahanan ABDB pada hari Khamis, 8 Zulhijjah 1438 Hijrah bersamaan 31 Ogos 2017 Masihi.

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

# Pelita BRUNEI

Hujung Minggu

ڤليتا بروني

*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*


مانيسڽ ايمان

## MANISNYA IMAN

"WAHAI orang-orang yang beriman! Bertaubatlah kamu kepada Allah (mintalah dihapuskan dosa kamu) dengan 'Taubat Nasuha', mudah-mudahan Tuhan kamu akan menghapuskan kesalahan-kesalahan kamu dan memasukkan kamu ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai." (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah At-Tahrim, ayat 8)."

*Waktu Sembahyang*

| IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 4.45 | 4.55 | 6.12 | 6.35 | 12.19 | 3.19 | 6.23 | 7.32 |

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit


TAHUN 62 / BILANGAN 108 | 9 SEPTEMBER 2017 / 1438 ذوالحجة 17 | JABATAN PENERANGAN | EDISI SABTU / PERCUMA


# Semua pihak berperanan tangani isu pengangguran

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Hernie Suliana Haji Othman, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman, Muhammad Asri Haji Awang Abas**



**TUNGKU LINK**, Khamis, 7 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) bertitah menaruh harapan agar kejayaan yang diraih oleh para graduan, akan dapat menjadikannya sebagai pendorong untuk memperolehi lain-lain kejayaan kerana menurut baginda sifat kejayaan adalah penyumbang bagi peningkatan daya saing negara.

Semasa bertitah di Majlis Konvokesyen Ke-29 yang berlangsung di Dewan Canselor UBD di sini, baginda turut menyentuh mengenai daya saing atau *competitiveness* dan mengucapkan tahniah kepada UBD kerana pada julung kalinya telah termasuk dalam QS World University Rankings pada tahun ini.

"UBD berada dalam 1.3 peratus universiti-universiti teratas di dunia dan kedudukan nombor 37 bagi universiti-universiti di bawah usia 50 tahun.

**Ke muka 3**

**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) berkenan menguriniakan titah pada Majlis Konvokesyen Ke-29 UBD yang berlangsung di Dewan Canselor UBD. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.**

# Kampus luar negara UBD di Da Nang Viet Nam



Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta

**26 Hari Lagi**

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**

**TUNGKU LINK,** Khamis, 7 September. - Penubuhan kampus Universiti Brunei Darussalam (UBD) yang pertama UBD-FPT Global Centre Da Nang Viet Nam adalah kampus luar negara yang pertama yang ditubuhkan oleh universiti dari negara ASEAN.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor UBD bertitah melahirkan rasa gembira dengan usaha universiti berkenaan dalam mengambil dan melatih 13 orang graduan tempatan sebagai pengajar untuk berkhidmat di UBD - FPT Global Centre.

"Satu peringatan daripada beta, UBD melangkah keluar adalah merupakan satu pencapaian di arena antarabangsa. Ini adalah petanda baik untuk masa depan, khasnya dari sudut kemajuan dan peningkatan.

**Ke muka 3**


IKUTI KAMI DI

infodept.bn | @Infodept_bn | Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri




**Muka 4**

BERKENAN menerima mengadap delegasi Mesyuarat Menteri-Menteri Kesihatan ASEAN



**Muka 5**

445 graduan terima ijazah sarjana dan diploma

# Lengkapkan graduan dengan kemahiran Abad Ke-21

**Bismillahir Rahmannir Rahim**
**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

**BERSYUKUR** kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah dan izin-Nya jua kita dapat bersama-sama hadir dan berhimpun di Majlis Konvokesyen Kali Ke-10, Kolej Pengajian Siswazah Antarabangsa di petang yang penuh bermakna ini. Hari ini melalui majlis ini Kolej Pengajian Siswazah Antarabangsa secara rasminya akan mengurniakan sijil kepada 400 orang graduan dalam berbagai bidang. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua graduan yang diraikan di dalam majlis ini. Alhamdulillah, setelah menempuhi pelbagai cabaran, maka akhirnya para graduan sekalian memperolehi kejayaan yang dicita-citakan selama ini.

Hari ini adalah menjadi salah satu tarikh penting yang akan mengiktiraf kejayaan para graduan. Kejayaan hari ini bukanlah datang menggolek, tetapi terhasil dari usaha yang gigih dan berterusan. Saya berharap kejayaan ini akan menjadi titik tolak untuk kejayaan yang lebih tinggi dan lebih jauh, bukan hanya bagi diri sendiri, tetapi kejayaan yang boleh menyumbang kepada pembangunan agama, bangsa dan negara kita.

Dalam mengharungi kehidupan pasca persekolahan, para graduan sekalian hendaklah bijak menggunakan ilmu yang diperolehi dan perlu pula sentiasa meningkatkan kemahiran-kemahiran yang ada atau mendapatkan kemahiran yang tidak diajar semasa di kolej. Para graduan harus tampil sebagai modal insan yang diperlukan oleh negara kita, iaitu memiliki ilmu yang betul dan bersesuaian, cerdas rohani, berketerampilan dalam komunikasi, berdaya kreatif dan inovatif yang sentiasa digilap, di samping boleh bekerja secara berpasukan dan berkesan, termasuk dengan kumpulan yang berbeza pandangan, tanpa melupakan sahsiah diri selaku rakyat negara ini.

Sebahagian dari ciri modal insan itu seharusnya telah dibina dari pengajian semasa di bangku sekolah dan kolej lagi. Setiap ilmu dan kemahiran yang diberikan di setiap peringkat persekolahan dan pengajian bukan dilihat sebagai berasingan tapi harus dilihat sebagai *building block* ke arah modal insan yang lengkap dan sebagai persediaan di dalam dewasa dan di alam pekerjaan, di mana para graduan mempunyai peranan besar dalam pembangunan sosioekonomi negara, agar kita terus mantap.

Justeru itu, kita sering menekankan betapa pentingnya setiap pelajar dan



**MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman semasa berucap pada Majlis Konvokesyen Kolej Pengajian Siswazah Antarabangsa pada 29 Ogos 2017 di Dewan Persidangan BRIDEX, Jerudong.**

setiap graduan dilengkapi dengan kemahiran Abad Ke-21 kerana abad ini dan tahun-tahun yang mendatang akan menampilkan suasana kehidupan yang berbeza dari apa yang kita alami lihat sahaja bagaimana cepatnya perkembangan ICT seperti contohnya telefon bimbit mempunyai impak yang besar dalam kehidupan seharian kita. Oleh itu, setiap graduan secara umumnya perlu dinamik dan mempunyai *tenacity* dalam mengharungi kehidupan selepas zaman persekolahan dan bertindak seiring dengan perubahan dan peredaran masa dan zaman yang penuh berbagai cabaran dan tuntutan.

Saya mendoakan para graduan sekalian akan berjaya menempatkan diri di dalam masyarakat dengan baik dan memperolehi kehidupan yang sempurna, tidak semata-mata berlandaskan kepada kerjaya yang berprestij, pendapatan yang tinggi mahupun kemewahan duniawi. Apa yang penting ialah sikap tanggungjawab kita pada masyarakat dan negara berpaksikan kepada konsep Melayu Islam Beraja, di mana kita mengutamakan sikap perpaduan, pemedulian dan rasa hormat menghormati. Jika kita sudah tidak saling menghormati, sudah lupa peranan dan tanggungjawab kita hidup bermasyarakat dan jika kita sudah mula mementingkan diri, maka bermakna Wawasan Negara 2035 yang banyak bergantung kepada setiap lapisan masyarakat di negara ini memainkan peranannya, tidak akan tercapai.

Jadikan diri para graduan *part of the solution* kepada apa jua usaha pihak kerajaan dalam membangun negara ini, berusahalah dengan memberikan apa jua sumbangan kepada negara secara jujur dan ikhlas, dan setiap graduan mestilah bersedia *to be counted* sebagai harapan bangsa dan negara. Negara akan berkerugian besar jika warganya tidak menghargai apa yang telah dikecapi selama ini keamanan, kestabilan, kemakmuran dan mensia-siakannya dengan tindakan-tindakan yang bercanggah dengan kepentingan negara. Marilah kita bersama-sama berganding bahu mengukir nama Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang berdaulat dan berjaya di persada antarabangsa sebagaimana tercatat dalam Wawasan Negara 2035.

Di kesempatan ini, sekali lagi saya mengucapkan syabas kepada pihak Kolej Pengajian Siswazah Antarabangsa atas kejayaan yang berterusan, dalam memberikan peluang kepada rakyat di negara ini, khususnya para belia lepasan sekolah menengah untuk melanjutkan pelajaran dan seterusnya berusaha untuk memberikan pendidikan lanjutan yang berkualiti kepada pelajar-pelajar di institut ini. Perkhidmatan pendidikan dalam pengajian tinggi yang disediakan oleh kolej ini telah banyak membantu anak-anak muda kita untuk mengembangkan potensi mereka dan seterusnya mencapai kejayaan di dalam bidang yang mereka minati. Semoga usaha murni untuk memberikan pendidikan tinggi ini akan dirahmati Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Tahniah juga diucapkan kepada para ibu bapa, penjaga dan keluarga para graduan kerana sentiasa menjadi tulang belakang kepada pencapaian dan kejayaan anak-anak, suami dan isteri masing-masing. Kita juga tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada para pensyarah dan setiap pihak yang bertanggungjawab di kolej ini kerana sentiasa berusaha bersungguh-sungguh mendidik dan memberikan perkhidmatan yang memuaskan untuk memastikan setiap pelajar memperolehi ilmu dan kemahiran yang diperlukan. Mudah-mudahan usaha dan pengorbanan setiap pihak akan mendapatkan restu dan keberkatan dari Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

## Dari Sidang Pengarang.

9 SEPTEMBER 2017 BERSAMAAN 17 ذو الحجه 1438

### PENCAPAIAN UBD SERLAHKAN UNIVERSITI NEGARA

**ALHAMDULILLAH**, seramai 1,308 graduan Universiti Brunei Darussalam (UBD) baru-baru ini telah menerima sijil masing-masing pada Majlis Konvokesyen UBD Ke-29 di Dewan Canselor UBD setelah berhempas pulas mengharungi pelbagai cabaran sepanjang pengajian di universiti tersebut.

Dalam pada itu juga, UBD telah bekerja sama dengan beberapa pihak berkepentingan yang relevan dan seterusnya memperkenalkan beberapa progam baharu yang antara lainnya memperkenalkan program Ijazah Sarjana Muda baharu dalam bidang Pergigian atau *Dentistry* pada Ogos yang lalu hasil daripada kerjasama dengan Kementerian Kesihatan.

Di samping itu, UBD juga memperkenalkan program latihan lanjutan bagi doktor-doktor perubatan dalam tujuh bidang kepakaran perubatan bagi membolehkan mereka untuk meneruskan perkhidmatan semasa menjalani latihan. Selain itu, program baharu yang lain juga memberikan peluang belajar sambil bekerja melalui pembelajaran sepanjang hayat, iaitu Sarjana Muda Sains dalam Ekonomi Digital yang ditawarkan oleh Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (C3L) pada awal tahun ini.

Melalui program tersebut, seramai 128 orang telah mendaftar di mana dua pertiga terdiri daripada mereka yang sedang dalam pekerjaan. C3L, UBD telah memperkenalkan program sarjana baharu, iaitu Master of Government, yang mana pengajian yang telah dibuat dalam kursus-kursus tertentu untuk dikira ke arah kelayakan program sarjana ini.

UBD juga telah memperluaskan dan mengembangkan pendidikan hingga memberikan impak dalam arena antarabangsa terutamanya di rantau ini apabila UBD dengan kerjasama universiti, FPT University di Viet Nam, serta telah memulakan latihan Bahasa Inggeris di Da Nang, Viet Nam pada bulan Ogos tahun ini.

Perkara ini turut dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, selaku Canselor UBD sempena Majlis Konvokesyen UBD Ke-29 : "*Beta telah memperkenankan penubuhan kampus UBD pertama iaitu UBD-FPT Global Centre di Da Nang, Viet Nam yang merupakan kampus luar negara pertama ditubuhkan oleh universiti dari negara ASEAN. Beta juga gembira dengan usaha UBD dalam mengambil dan melatih 13 graduan tempatan sebagai pengajar untuk berkhidmat di sana.*"

Langkah UBD itu, titah baginda lagi, merupakan pencapaian di antarabangsa, khasnya dari sudut kemajuan dan peningkatan, namun UBD diingatkan agar jangan sesekali mengabaikan prinsipnya.

Di samping itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga menggalakkan UBD menambah tumpuan penyelidikan kepada bidang pentadbiran Islam dan data sains dan analitis, selain bidang penyelidikan biodiversiti, kajian tenaga dan kajian Asian. Baginda telah memperkenankan penubuhan dua pusat di UBD, iaitu pertama penubuhan Institute of Applied Data Analytics, yang sebelum ini dikenali sebagai UBD / IBM Centre yang akan memfokuskan kepada *big data* dan *data analytics.*

Manakala pusat kedua pula ialah penubuhan Makmal Inovasi FPT-UBD hasil daripada kolaborasi bersama dengan FPT University di Viet Nam dan ia akan memfokuskan kepada latihan dan penyelidikan dalam bidang-bidang berkaitan dengan informasi, seperti Data Analytics, Internet of Things, Cloud Computing dan Cyber Security.

Dengan adanya perkembangan dan perancangan yang telah dilaksanakan oleh UBD, sudah setentunya akan meningkatkan lagi kedudukannya sebagai sebuah universiti yang terulung dan berdaya saing di rantau ini mahupun peringkat antarabangsa. Semoga UBD akan terus melahirkan graduan-graduan yang bakal menyumbang dalam pembangunan negara serta merealisasikan Wawasan 2035. - **Ketua Penyuntingan (Rd).**

Ramalan Cuaca 3 Hari

| | SABTU | AHAD | ISNIN |
|---|---|---|---|
| BANDAR SERI BEGAWAN | 32°C 24°C | 32°C 25°C | 31°C 24°C |
| MUARA | 32°C 24°C | 32°C 25°C | 31°C 24°C |
| PEKAN BANGAR | 31°C 24°C | 31°C 24°C | 30°C 24°C |
| PEKAN TUTONG | 31°C 24°C | 32°C 24°C | 31°C 24°C |
| PEKAN SERIA | 31°C 24°C | 32°C 24°C | 31°C 24°C |
| KUALA BELAIT | 31°C 24°C | 32°C 24°C | 31°C 24°C |

Talian Cuaca 114

## WAKTU SEMBAHYANG

*firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:*
*"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."*

| Masihi SEPTEMBER | HARI | Hijrah ZULHIJJAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 9 | SABTU | 17 | 4.45 | 4.55 | 6.12 | 6.35 | 12.19 | 3.19 | 6.23 | 7.32 |
| 10 | AHAD | 18 | 4.45 | 4.55 | 6.12 | 6.35 | 12.18 | 3.18 | 6.22 | 7.32 |
| 11 | ISNIN | 19 | 4.45 | 4.55 | 6.12 | 6.34 | 12.18 | 3.18 | 6.22 | 7.31 |
| 12 | SELASA | 20 | 4.45 | 4.55 | 6.12 | 6.34 | 12.18 | 3.19 | 6.21 | 7.31 |
| 13 | RABU | 21 | 4.44 | 4.54 | 6.12 | 6.34 | 12.17 | 3.19 | 6.21 | 7.30 |
| 14 | KHAMIS | 22 | 4.44 | 4.54 | 6.11 | 6.34 | 12.17 | 3.19 | 6.20 | 7.30 |
| 15 | JUMAAT | 23 | 4.44 | 4.54 | 6.11 | 6.33 | 12.17 | 3.20 | 6.20 | 7.29 |

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN

AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PENGANGKUTAN DARAT. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam 123

NDMC 2380214

# Semua pihak berperanan tangani isu pengangguran




KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) berkenan bergambar ramai bersama Ahli-ahli Senat dan tetamu khas dari luar negara pada Majlis Konvokesyen Ke-29 UBD.

Dari muka 1

*Ranking* adalah penting bagi mengukur kualiti sesebuah universiti di peringkat antarabangsa. Namun kerananya, kita tidaklah harus mengabaikan atau terlepas pandang agenda-agenda kebangsaan seperti isu pengangguran," titah baginda.

Isu pekerjaan dan pengangguran tegas baginda, perlu ditangani secara *whole of nation approach* kerana ia adalah satu ekosistem di mana agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan perlu memainkan peranan masing-masing.

Sementara institusi-institusi pengajian tinggi pula titah baginda berperanan untuk mengeluarkan sumber manusia, manakala agensi-agensi lain juga diperlukan untuk membuat inisiatif-inisiatif bagi pertumbuhan ekonomi negara dan mewujudkan pekerjaan-pekerjaan baru.

"Sehubungan itu, UBD dan institusi-institusi pengajian tinggi lain adalah perlu untuk memastikan yang programnya sentiasa relevan dan berkualiti untuk mengeluarkan graduan-graduan yang *marketable* dan *future ready,*" titah baginda melahirkan harapan.

# Kampus luar negara UBD di Da Nang Viet Nam



ANTARA graduan UBD yang menerima Ijazah Doktor Falsafah pada Majlis Konvokesyen Ke-29 UBD.

**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit; Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman; Hernie Suliana Haji Othman; Dk. Nur Hafilah Pg. Osman; Muhammad Asri Haji Awang Abas**

Dari muka 1

Namun semakin jauh UBD mengembangkan sayapnya, soal prinsip sama sekali janganlah diabaikan. UBD mesti tetap UBD, jangan ia dibiarkan bertukar wajah dan isinya," titah baginda pada Majlis Konvokesyen Ke-29 UBD yang berlangsung di Dewan Cancelor UBD, di sini.

Dalam usaha mengangkat nama UBD titah baginda, salah satu faktor teras yang perlu dilaluinya ialah meneroka penyelidikan iaitu satu-satunya faktor untuk membezakan universiti dengan institusi-institusi pengajian tinggi yang lain.

"Beta mengambil maklum tentang usaha UBD dalam mengkaji dan mengenal pasti bidang-bidang penyelidikan di tahap antarabangsa atau *peaks of research excellence.* Selain daripada bidang-bidang penyelidikan yang sedia ada iaitu *Biodiversity, Energy Studies* dan *Asian Studies'*, UBD juga perlu turut memberikan tumpuan kepada bidang *Islamic Governance* dan *Data Science and Analytics.*

"Beta telah pun memperkenankan penubuhan dua pusat di UBD. Yang pertama ialah penubuhan *Institute of Applied Data Analytics*, yang sebelum ini dikenali sebagai UBD / IBM Centre yang beta difahamkan akan memfokus kepada *big data* dan *data analytics,*" titah baginda.

Pusat kedua titah baginda ialah penubuhan FPT - UBD Innovation Lab, hasil dari kolaborasi bersama dengan FPT Universiti di Viet Nam dan ia akan memfokus kepada latihan dan penyelidikan dalam bidang-bidang berkaitan dengan informasi seperti *Data Analytics*, *Internet of Things*, *Cloud Computing* dan *Cybersecurit*.

"Adalah sangat perlu untuk aktiviti penyelidikan dapat menyumbang kepada peningkatan ilmu pengetahuan serta menjana pertumbuhan ekonomi negara.

Baginda juga ingin melihat lebih banyak lagi hasil penyelidikan dapat dimanfaatkan untuk aktiviti komersial serta sekali gus mempromosi peluang pekerjaan.

Baginda berharap agar penyelidikan dan inovasi terus ditingkatkan, terutama sekali yang melibatkan kolaborasi atau kerjasama rapat di antara universiti dan agensi-agensi yang relevan seperti industri-industri.

Terdahulu, baginda turut juga menyentuh mengenai piawaian institusi pengajian tinggi, faktor-faktor teras bagi meningkatkan kualiti, antaranya ialah pendidikan, penyelidikan dan pengantarabangsaan.

# Berkenan menerima mengadap delegasi Mesyuarat Menteri-Menteri Kesihatan ASEAN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap sembilan orang yang terdiri dari Menteri-Menteri Kesihatan ASEAN, ketua delegasi serta perwakilan dari ASEAN Sekretariat dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Kesihatan ASEAN Ke-13 (AHMM) dan mesyuarat-mesyuarat yang berkaitan.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Masri Osman



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 6 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap sembilan orang yang terdiri dari Menteri-Menteri Kesihatan ASEAN, ketua delegasi serta perwakilan dari ASEAN Sekretariat dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Kesihatan ASEAN Ke-13 (AHMM) dan mesyuarat-mesyuarat yang berkaitan yang diadakan pada 3 hingga 7 September 2017.

Juga berangkat, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Pada Majlis Mengadap tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima mengadap Menteri Kesihatan Republik Indonesia, Puan Yang Terutama Profesor Dr. Nila Djuwita Farid Moeloek; Menteri Kesihatan Malaysia, Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Subramaniam K. V. Sathasivam; Menteri Kesihatan dan Sukan Republik Kesatuan Myanmar, Tuan Yang Terutama Dr. Myint Htwe; Menteri Kesihatan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Gan Kim Yong; Menteri Kesihatan Awam Thailand, Tuan Yang Terutama Dr. Piyasakol Sakolsatayadorn; Menteri Kesihatan Republik Sosialis Viet Nam, Puan Yang Terutama Profesor Dr. Nguyen Thi Kim Tien; Timbalan Menteri di Kementerian Kesihatan Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Associate Professor Dr. Phouthone Muongpak; Setiausaha Kesihatan Republik Filipina, Puan Yang Terutama Dr. Lilibeth C. David; dan Setiausaha Negara Kementerian Kesihatan, Kemboja, Tuan Yang Terutama Profesor Eng Hout.

Hadir pada Majlis Mengadap yang berlangsung di Istana Nurul Iman ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad dan Setiausaha Tetap di Kementerian Kesihatan, Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap dan beramah mesra bersama delegasi yang menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Kesihatan ASEAN Ke-13 dan mesyuarat-mesyuarat berkaitan. Juga berangkat, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (atas kiri, atas, bawah kiri dan bawah).





# 445 graduan terima ijazah sarjana dan diploma





**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro Canselor UBD berkenan berangkat dan menyempurnakan pengurniaan ijazah sarjana kepada graduan pada sesi petang, Majlis Konvokesyen Ke-29 UBD di Dewan Canselor UBD (atas). Sementara gambar atas kanan, Duli Yang Teramat Mulia menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.**

**Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto: Masri Osman, Hamzah Mohidin, Azmah Haji Ahad**

**TUNGKU LINK**, Khamis, 7 September. - Rintangan yang diharungi oleh 445 graduan Universiti Brunei Darussalam (UBD) demi memperoleh segulung ijazah dan diploma yang diimpikan akhirnya membuahkan hasil dengan berlangsungnya Majlis Konvokesyen Ke-29 UBD di Dewan Canselor UBD, di sini.

Berangkat menyempurnakan pengurniaan ijazah sarjana dan diploma pada sesi petang, Majlis Konvokesyen tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro Canselor UBD.

Keberangkatan tiba DYTM dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman dan Naib Canselor UBD, Datin Dr. Hajah Anita Binurul Zahrina Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz.

Sejurus DYTM berada di atas pentas, Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dimainkan oleh Pancaragam Polis Diraja Brunei.

Pada majlis penuh bersejarah itu, DYTM berkenan mengurniakan ijazah sarjana kepada 346 graduan, diploma lanjutan kepada seorang graduan, manakala 98 graduan menerima diploma.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

Ijazah mahupun diploma yang diraih merupakan salah satu ukuran kejayaan di sepanjang pengajian di UBD, namun ia bukanlah ukuran mutlak dalam menyediakan para graduan di dunia pekerjaan.

Apa yang diharapkan para graduan mampu membentuk jati diri dan memperkasakan insaniah secara holistik di sepanjang pengajian di instituti tertinggi di Negara Brunei Darussalam sebagaimana yang diharapkan oleh UBD, yang mana ia bukan saja mengeluarkan para graduan melalui ijazah, tetapi mengeluarkan graduan yang mampu berdaya saing di dunia luar.



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan menyempurnakan pengurniaan diploma kepada graduan.**





**DULI Yang Teramat Mulia berkenan bergambar bersama penerima ijazah dan keluarga (atas), sementara gambar atas kanan, DYTM berkenan berbual bersama para penerima ijazah pada Majlis Konvokesyen Ke-29 UBD.**

# Brunei DPMM FC gagal kutip mata penuh



Oleh: Nooratini Haji Abas
Foto: Masri Osman,
Muhammad Asri Haji Awang Abas

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat menyaksikan Perlawanan Liga Singapura (Liga S) di antara pasukan Brunei DPMM FC dengan Home United FC yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

JUGA berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman; Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah.

**BERAKAS**, Jumaat, 8 September. - Pasukan Brunei DPMM FC gagal memanfaatkan bermain di gelanggang sendiri apabila tewas kepada pasukan Home United FC 4 - 1 pada perlawanan Liga Singapura (Liga S) yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Berangkat menyaksikan perlawanan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Juga berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah; Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim; Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah serta kerabat diraja yang lain.

Pasukan Home United FC berjaya menguasai perlawanan pada babak pertama apabila Faris Ramli berjaya menjaringkan gol pertama pada minit 14.

Pada minit ke-19, Stipe Plazibat menambah gol bagi pasukan Home United FC.

Selang 10 minit kemudian, pasukan Brunei DPMMC mengubah kedudukan apabila berjaya menjaringkan gol melalui Rafael Ramazotti, namun pada minit ke-39, Faris Ramli menjaringkan gol ketiga bagi pasukannya.

Pasukan Brunei DPMM FC terus membuat percubaan pada babak kedua, tetapi segala percaturan tidak menepati sasaran, manakala pada minit ke-77, pasukan Home United FC berhasil menambah jaringan menjadi 4 - 1 melalui Sirina Camara hingga wisel penamat ditiupkan.

Waktu rehat perlawanan diserikan dengan perlawanan di antara pasukan All Stars FC menentang pasukan Projek Ikan Pusu 'B' dengan kemenangan berpihak kepada All Stars FC, 1 - 0.

Berangkat menyertai pasukan All Stars FC ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim.





YANG Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim berangkat menyertai pasukan All Stars FC menentang pasukan Projek Ikan Pusu 'B' dengan kemenangan berpihak kepada All Stars FC, 1 - 0.



AKSI perlawanan di antara pasukan Brunei DPMM FC (jersi hitam) menentang pasukan Home United FC (jersi biru) pada perlawanan tersebut.

# Khidmat Doktor Perubatan Sukan dihargai

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 7 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) menyampaikan ucapan takziah atas kembalinya ke rahmatullah Ketua Pusat Perubatan dan Penyelidikan Sukan (SMRC), di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dr. Haji Danish Zaheer.

Seorang doktor terkenal di peringkat antarabangsa yang berkhidmat di Negara Brunei Darussalam selama 23 tahun, Dr. Haji Danish kembali ke rahmatullah pada usia 57 tahun dan dikebumikan di tanah perkuburan Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.

Berasal dari Pakistan, beliau dipilih sebagai Presiden Persekutuan Perubatan Sukan Asia (AFSM) pada bulan Disember dan mula berkhidmat di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada tahun 1994 dan telah mewakili Brunei di beberapa buah forum perubatan sukan kebangsaan, serantau dan antarabangsa serta sains sukan.

"Ini adalah kerugian besar bagi sukan Brunei, khususnya untuk semua atlet dan semua ahli sukan yang telah beliau berikan lebih daripada 20 tahun perkhidmatan," sabda DYTM Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.

Dr. Haji Danish memulakan khidmatnya di KKBS sebagai Pegawai Perubatan pada 15 Ogos 1994 dan telah mengembara secara meluas untuk merawat atlet kebangsaan yang bersaing di pelbagai acara sukan dan yang paling terkini ialah Sukan SEA 2017 di Kuala Lumpur.

Dilantik menjadi Presiden Persatuan Perubatan Sukan Pakistan (SMAP) pada tahun 2002, Dr. Haji Danish juga merupakan Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Perubatan Sukan dan Jawatankuasa Anti-Dadah Persekutuan Sukan Perpaduan Islam (ISSF) dan juga merupakan Ahli Jawatankuasa Perubatan Sukan SEA dan Pengerusi Jawatankuasa Pengecualian Penggunaan Terapeutik (TUE).

Sebagai seorang ahli pengasas AFSM, sebuah badan perwakilan tertinggi perubatan sukan di Asia - pada tahun 1990, Dr. Haji Danish juga merupakan Ahli Jawatankuasa Pertubuhan Anti-Dadah Serantau Asia Tenggara (SEARADO) - TUE.

Dengan pengetahuan yang luas dalam anti-dadah dan pemahaman yang luar biasa dan pengalaman penerapannya dalam bidang tersebut, beliau dianggap sebagai pakar dalam Peraturan Agensi Anti Penyalahgunaan Dadah Sedunia (WADA).

"Ini adalah kerugian besar kepada negara dan kementerian," jelas Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

"Beliau merupakan seorang pekerja yang penuh komited dan dedikasi sejak berkhidmat lebih 20 tahun di negara ini dan kami mengiktiraf, menghormati dan menghargainya," jelas Yang Berhormat.

Beliau banyak memberi sumbangan dan ia akan sentiasa dikenang, dihormati dan akan dirindui.

# 119 syarikat tempatan sertai Ekspo China-ASEAN Ke-14

**Siaran Akhbar dan Foto : Darussalam Enterprise**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 8 September. - Sebanyak 119 buah syarikat Brunei akan mengambil bahagian dalam Ekspo China - ASEAN Ke-14 yang akan berlangsung di Nanning, China.

Ekspo yang akan diadakan di Pusat Persidangan dan Pameran Antarabangsa Nanning (NICEC) bermula dari 12 hingga 15 September 2017. Objektif utama penyertaan syarikat-syarikat dalam ekspo tersebut adalah bagi membolehkan pengusaha tempatan menjadikannya sebagai tanda aras produk dan perkhidmatan masing-masing dengan rakan-rakan ASEAN dan China, serta membuka peluang bagi rangkaian penyaluran dan pembekalan.

Bagi menyambut para delegasi negara, satu Majlis Makan Malam diadakan, yang dihoskan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng. Juga hadir, Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian di JPM, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Timbalan Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah; Setiausaha-Setiausaha Tetap dan pegawai-pegawai kerajaan.



**MAJLIS Makan Malam Menyambut Delegasi Negara Brunei Darussalam yang akan mengambil bahagian dalam Ekspo China-ASEAN Ke-14 dihoskan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng. Juga hadir, Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian di JPM, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi dan Timbalan Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Mohd Amin Liew.**

Tujuh kategori industri yang ikut serta pada tahun ini, iaitu Kategori Pendidikan diwakili tujuh institusi, 48 syarikat mewakili Kategori Syarikat makanan dan minuman, 15 syarikat mewakili Kategori Fesyen & Kraf Tangan. Sementara bagi Kategori Penjagaan Kesihatan & Kosmetik diwakili 11 buah syarikat, dua buah syarikat wakil Kategori Pengeluar Produk Isi Rumah, lapan syarikat mewakili Kategori Perkilangan, dan 28 buah syarikat mewakili Kategori Penyediaan Perkhidmatan.

Beberapa acara juga akan berlangsung, iaitu pelancaran pembukaan kedua-dua komoditi yang terletak di pavilion komoditi dan Bandaraya Pavilion yang akan disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Selain itu, Mesyuarat Pemadanan Perniagaan dalam Kerjasama Pelancongan juga akan diadakan yang akan diwakili oleh Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

# Pembinaan Masjid Kampung Tanjung Bunut menelan belanja BND3.56 juta

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Hamzah Mohidin**

**TANJUNG BUNUT,** Jumaat, 8 September. - Kebajikan rakyat dan penduduk yang beragama Islam di negara ini sentiasa diambil peduli terutama sekali dalam perkara berhubung tempat beribadah seperti pembinaan masjid di samping hal ehwal yang berkaitan demi kesejahteraan masjid dan para jemaahnya.

Sehubungan itu, Urusetia Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam menyelenggarakan projek sulung mereka untuk membina sebuah masjid baharu di Kampung Tanjung Bunut di atas keluasan sebidang tanah wakaf dengan kos perbelanjaan sebanyak BND3.56 juta.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, selaku Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).

Juga hadir, Ahli-Ahli MUIB dan Majlis Mesyuarat Negara, pegawai-pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) serta keluarga pewakaf dan penduduk sekitar kampung itu.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh Pemangku Pegawai Ugama Kanan Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Awang Haji Haris bin Haji Suboh yang juga membacakan Doa Selamat.

Manakala Penguasa Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Awang Zulkifli bin Haji Murat melaungkan azan diteruskan dengan zikir mendirikan tiang masjid baharu.

Semasa zikir dilafazkan, Yang Berhormat seterusnya mendahului upacara menuang simen diikuti oleh jemputan-jemputan khas yang hadir pada majlis tersebut.

Yang Berhormat serta para jemputan juga berkesempatan mendengarkan taklimat ringkas mengenai reka bentuk bangunan masjid tersebut yang disampaikan oleh Ketua Bahagian Bangunan dan Pemeliharaan di KHEU, Awang Abu Bakar bin Haji Awang Mohd Salleh.

Projek yang dijangka siap pembinaannya pada Jun tahun depan itu dapat menampung lebih kurang 1,260 jemaah.

Pembinaan bangunan masjid itu juga disediakan beberapa kemudahan seperti Dewan Sembahyang Utama (Lelaki), Ruang Sembahyang Perempuan, Bilik Imam / Bilal, Bilik Kuliah, Bilik Mesyuarat, Bilik Serbaguna, Bilik Pentadbiran, Bilik Tetamu, Bilik P.A System.

Masjid terbaharu ini turut dilengkapi dengan CCTV, tempat letak kereta, tandas dan tempat berwuduk berasingan bagi jemaah lelaki dan perempuan, Bilik Pengurusan Jenazah, Bilik Stor dan Kelengkapan, Bilik Dapur serta Bilik Mekanikal dan Elektrikal.



**MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, selaku Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) semasa menuang simen pada Majlis Peletakan Batu Asas Masjid Kampung Tanjung Bunut.**

# Syarikat Marin tempatan terima sijil pengiktirafan




MAJLIS Penyampaian Sijil yang disampaikan oleh Country Manager Malaysia, American Bureau of Shipping (ABS), Mohd. Razali Moktar dan Pengerusi Bureau Veritas (BV), Dr. Haji Kamaluddin bin Dato Seri Paduka Haji Talib kepada Pengarah Urusan Al-Hadid Marine Services (B) Sendirian Berhad, Pengiran Hajah Reda Farizah binti Pengiran Dato Paduka Haji Ismail dengan disaksikan oleh Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat.

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**MUARA**, Rabu, 6 September. - Al-Hadid Marine Services (B) mengadakan Majlis Penyampaian Sijil-Sijil Pengiktirafan bertempat di Dewan Al-Fath, Ibu Pejabat Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan, Muara, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat.

Terdahulu, Pengarah Urusan Al-Hadid Marine Services (B) Sendirian Berhad, Pengiran Hajah Reda Farizah binti Pengiran Dato Paduka Haji Ismail dalam ucapannya berkata, Al-Hadid Marine bukan sahaja mengenali betapa pentingnya aspek-aspek keselamatan tetapi adalah menjadi salah satu matlamat syarikatnya untuk memberi perkhidmatan-perkhidmatan dengan menepati piawaian-piawaian antarabangsa.

Al-Hadid Marine jelasnya, telahpun menjalin jaringan kerja profesional dengan beberapa buah badan profesional antarabangsa dalam bidang marin, seperti International Marine Contractors Association (IMCA), Australian Diver Accreditation Scheme (ADAS) Commercial Diving Association Singapore (CDAS).

Majlis diteruskan dengan Majlis Penyampaian Sijil yang disampaikan oleh Country Manager Malaysia, American Bureau of Shipping (ABS), Mohd. Razali Moktar dan Pengerusi Bureau Veritas (BV), Dr. Haji Kamaluddin bin Dato Seri Paduka Haji Talib kepada Pengarah Urusan Al-Hadid Marine Services (B) Sendirian Berhad, Pengiran Hajah Reda Farizah binti Pengiran Dato Paduka Haji Ismail dengan disaksikan oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan.

Juga hadir Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

# LTAB disasar jadi hab penerbangan



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat ketika mengadakan lawatan ke premis perniagaan yang terdapat di bahagian khusus untuk penumpang-penumpang (*air side*) serta bahagian terbuka untuk orang ramai (*land side*) di bangunan berkenaan.

**Berita dan Foto :**
**Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin**

**BERAKAS**, Khamis, 7 September. - Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) disasarkan untuk menjadi hab penerbangan (*aviation hub*) setelah diperbaharui dengan kemudahan-kemudahan yang ada untuk keselesaan penumpang-penumpang kapal terbang.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei pada Hari Media 2017 bertempat di Bangunan Terminal LTAB, Berakas, di sini.

Terdahulu, Yang Berhormat menjelaskan, kemudahan-kemudahan tersebut adalah seperti kedai-kedai menjual produk-produk tempatan dan antarabangsa; restoran-restoran dan kafe-kafe yang menawarkan pelbagai pilihan; perkhidmatan syarikat-syarikat penerbangan; perkhidmatan perbankan (ATM dan pengurup matawang); perkhidmatan perhubungan seperti pos dan telekomunikasi; perkhidmatan 'Commercially Important Person (CIP); tempat letak kereta berbayar; perkhidmatan pengangkutan seperti teksi dan pengangkutan awam serta Surau Lapangan Terbang.

Yang Berhormat seterusnya berhasrat untuk menjadikan LTAB salah satu tarikan yang penting untuk menarik minat syarikat-syarikat penerbangan untuk singgah ke Negara Brunei Darussalam dengan memperbaiki *connectivity* dan *realibility*nya.

Hari Media diadakan sebagai satu kaedah pembarigaan kepada orang ramai dan penumpang-penumpang mengenai kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan di Bangunan Terminal LTAB.

Atur cara pada Hari Media ini termasuk lawatan ke semua premis perniagaan dan kemudahan yang terdapat di bahagian khusus untuk penumpang-penumpang (*air side*) serta bahagian terbuka untuk orang ramai (*land side*) di bangunan berkenaan.

Acara diselajurkan dengan pelancaran aplikasi Fly Brunei Version 2.0 yang memuatkan maklumat-maklumat mengenai jadual penerbangan, perkhidmatan-perkhidmatan yang ada di lapangan terbang serta maklumat-maklumat bagi para penumpang seperti peraturan-peraturan keselamatan, cukai import, perkhidmatan pengangkutan awam dan tempat-tempat penginapan di Negara Brunei Darussalam.

Antara perkhidmatan yang baru diperkenalkan ialah Perkhidmatan Commercially Important Person (CIP), iaitu salah satu inisiatif bagi memaksimakan penggunaan kemudahan-kemudahan yang sedia ada di LTAB.

Inisiatif-inisiatif yang sedang dilaksanakan juga yang dalam perancangan adalah untuk meningkatkan perkhidmatan khususnya di Bangunan LTAB dengan tujuan untuk memberi keselesaan kepada orang ramai dan para penumpang serta menyediakan kepelbagaian kemudahan yang ada.

Turut hadir ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Perhubungan, Dr. Awang Haji Supry bin Haji Awang Ladi.

# Brunei - Turki bincang isu perundangan

**Siaran Akhbar dan Foto : Pejabat Peguam Negara**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 6 September. - Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Hajah Hayati binti Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd. Salleh menerima kunjungan hormat daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turki ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Mehmet Suat Akgun bertempat di Bangunan Undang-Undang di sini.

Semasa kunjungan hormat tersebut, Yang Berhormat Peguam Negara dan Tuan Yang Terutama bertukar-tukar pandangan mengenai pelbagai isu perundangan yang menjadi kepentingan bersama, termasuk mengenai rangka kerja perundangan di antara kedua-dua negara.

Tuan Yang Terutama seterusnya menyampaikan penghargaan Kerajaan Turki kepada Yang Berhormat Peguam Negara ke atas usaha Pejabat Peguam Negara dalam membantu Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke atas pelbagai perjanjian kerjasama di antara kedua-dua negara.

Turut hadir pegawai-pegawai kanan Pejabat Peguam Negara.



PEGUAM Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Hajah Hayati binti Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd. Salleh (kanan) menyampaikan cenderamata kepada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turki ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Mehmet Suat Akgun.

# ASEAN bersepadu ke arah perlindungan kesihatan sejagat




MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi semasa hadir pada Mesyuarat Menteri-Menteri Kesihatan ASEAN (AHMM) Ke-13 dan Mesyuarat-Mesyuarat Yang Berkaitan (kiri). Sementara gambar kanan, suasana AHMM Ke-13 dan Mesyuarat-Mesyuarat Yang Berkaitan yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

**Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 6 September. - Komuniti ASEAN telah mencapai kemajuan besar dalam usaha membendung penyakit-penyakit berjangkit seperti polio, campak termasuk HIV dan juga AIDS.

Kemajuan tersebut dapat dicapai menerusi komitmen bersepadu dalam kalangan negara-negara ahli ke arah perlindungan kesihatan sejagat dan pelaburan berterusan dalam sektor kesihatan.

Namun di sebalik kemajuan itu, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi menegaskan semua pihak tidak boleh berasa berpuas hati.

Yang Berhormat menjelaskan perkara tersebut semasa Mesyuarat Menteri-Menteri Kesihatan ASEAN (AHMM) Ke-13 dan Mesyuarat-Mesyuarat Yang Berkaitan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Seterusnya, Yang Berhormat menekankan perlunya negara-negara ahli meneruskan kerjasama dalam menangani cabaran-cabaran kesihatan yang lebih membimbangkan di rantau ini, iaitu menangani penduduk warga emas, kadar penyakit-penyakit tidak berjangkit yang berleluasa serta meningkatkan permintaan dan keperluan bagi penjagaan kesihatan yang berdaya tahan di sebalik masalah sumber kewangan dan dana yang semakin terhad.

Walau bagaimanapun, tegas Yang Berhormat, seperti kejayaan yang dicapai oleh para pemimpin ASEAN 50 tahun lalu dalam membina satu Komuniti ASEAN akan terus menghadapi cabaran-cabaran mendatang dengan ketabahan kerjasama dan tindakan kolektif.

Menteri Kesihatan juga menegaskan dalam menangani masalah-masalah terbesar seperti penyakit yang tidak berjangkit, kesan perubahan iklim terhadap kesihatan dan pengurusan wabak penyakit, tindakan bersepadu dalam kalangan sektor-sektor, masyarakat berkaitan dan perpaduan dalam kalangan negara-negara ASEAN adalah diperlukan.

Yang Berhormat turut menggariskan pentingnya pihak-pihak yang terlibat memastikan hasil mesyuarat kali ini sejajar dengan agenda pembangunan kesihatan ASEAN pasca 2015 dan matlamat pembangunan yang mampan.

Mesyuarat yang berlangsung selama lima hari itu dihadiri oleh 107 orang terdiri daripada Menteri-Menteri Kesihatan dan para pegawai kanan kesihatan dari ASEAN, China, Jepun dan Republik Korea.

Bertemakan 'Together Towards a Healthy ASEAN', sebanyak empat agenda dibincangkan sepanjang mesyuarat iaitu Mempromosi Gaya Hidup Sihat, Bertindak Balas Terhadap Semua Bahaya dan Ancaman, Memperkukuhkan Sistem Kesihatan dan Akses Kepada Penjagaan dan Memastikan Keselamatan Makanan. Terdahulu sesi retreat juga telah diadakan.

# Kementerian Kesihatan - PRC bincang kerjasama bidang kesihatan

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan**

**BERAKAS**, Jumaat, 8 September. - Kementerian Kesihatan mengalu-alukan delegasi rasmi dari Suruhanjaya Perancangan Kesihatan dan Keluarga Kebangsaan, Republik Rakyat China (PRC) yang diketuai oleh Naib Menteri Kesihatan Negara dan Suruhanjaya Perancang Keluarga, PRC, Tuan Yang Terutama Wang Hesheng bagi mesyuarat dua hala di antara dua kementerian berkenaan.

Semasa mesyuarat tersebut, Kementerian Kesihatan yang diketuai oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi berbincang mengenai beberapa bidang kerjasama termasuk Rancangan Tindakan untuk kedua-dua kementerian, penyelidikan dan pembangunan teknologi kesihatan, latihan penjagaan kesihatan, pelancongan perubatan, dan Teknologi Komunikasi Maklumat (ICT).

Juga hadir pada mesyuarat tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar) Kementerian Kesihatan, Dr. Awang Hazri bin Haji Kifle; Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional) Kementerian Kesihatan, Datin Paduka Dr. Hajah Maslina binti Haji Mohsin dan pegawai kanan dari Kementerian Kesihatan.

Sebelum mesyuarat berlangsung, delegasi dari PRC yang diketuai oleh TYT Wang Hesheng juga mengadakan lawatan kerja rasmi ke beberapa kemudahan kesihatan termasuk Pusat Wanita dan Kanak-kanak Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS); Pusat Kanser Brunei (TBCC); Pusat Neurosains, Strok dan Pemulihan Brunei (BNRSC) juga Pusat Kesihatan Berakas.

Dalam temu bual bersama TYT Wang Hesheng, TYT menyatakan kekagumannya terhadap persekitaran teknologi yang kondusif, lengkap dan berteknologi tinggi serta sistem penjagaan kesihatan di semua kemudahan yang dikunjungi.

TYT mengakui secara khusus mengenai konsep pelanggan profesional penjagaan kesihatan yang pertama dan terlatih dalam kementerian.

Dari lawatan tersebut, TYT Wang Hesheng juga menyatakan kepada Suruhanjaya Perancang Kesihatan dan Keluarga Negara PRC untuk meneruskan kerjasama dengan Kementerian Kesihatan, Brunei Darussalam dalam beberapa bidang termasuk perkongsian pengetahuan dan amalan; peralatan dan modul latihan untuk profesional penjagaan kesihatan; teknologi maklumat dan program biasiswa perubatan.

TYT seterusnya ingin meneruskan lawatan bersama di antara kedua kementerian itu serta mengukuhkan hubungan aktif melalui ASEAN Plus Three Cooperation, ASEAN - China Cooperation dan The Belt and Road Initiatives for Health Cooperation.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi semasa mengalu-alukan delegasi rasmi dari Suruhanjaya Perancangan Kesihatan dan Keluarga Kebangsaan, Republik Rakyat China (PRC) yang diketuai oleh Naib Menteri Kesihatan Negara dan Suruhanjaya Perancang Keluarga, PRC, Tuan Yang Terutama Wang Hesheng bagi mesyuarat dua hala di antara dua kementerian berkenaan.

# AMBD - Jabatan Kemajuan Perumahan tandatangani perjanjian



SETIAUSAHA Tetap (Pentadbiran & Kewangan) Kementerian Pembangunan, Awang Haji Muhammad Lutfi bin Abdullah (kiri) bertukar memorandum perjanjian bersama Pengarah Urusan AMBD, Awang Yusof bin Haji Abd. Rahman.

**Siaran Akhbar dan Foto : Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 8 September. - Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) baru-baru ini menandatangani Participant Service Agreement dengan Jabatan Kemajuan Perumahan (JKP), Kementerian Pembangunan.

JKP adalah sebuah jabatan di bawah Kementerian Pembangunan yang bertanggungjawab dalam menyediakan dan membuat penilaian serta pemilihan rumah-rumah bagi pemohon-pemohon yang berkelayakan di bawah Skim Rancangan Perumahan Negara (RPN) Negara Brunei Darussalam.

Majlis Penandatanganan tersebut diadakan di Ibu Pejabat Kementerian Pembangunan, Berakas.

Menandatangani bagi pihak JKP ialah Setiausaha Tetap (Pentadbiran & Kewangan) Kementerian Pembangunan, Awang Haji Muhammad Lutfi bin Abdullah dan disaksikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Kementerian Pembangunan, Awang Haji Mohd. Zakaria bin Haji Sarudin.

Manakala menandatangani bagi pihak AMBD ialah Pengarah Urusan AMBD, Awang Yusof bin Haji Abd. Rahman dan disaksikan oleh Penolong Pengarah Eksekutif (Biro Kredit), Awang Mohammed Roaizan bin Haji Johari.

Participant Service Agreement membolehkan JKP untuk berkongsi maklumat kredit penerima-penerima RPN di bawah bidang kuasa JKP pada Biro Kredit, AMBD. Perjanjian ini juga membenarkan pihak JKP untuk mendapatkan laporan kredit yang disediakan oleh Biro Kredit untuk membantu pihak JKP dalam membuat penilaian *creditworthiness* atau kebolehpercayaan kredit pemohon-pemohon RPN.

Matlamat utama bagi kerjasama ini adalah untuk membantu pihak JKP membuat penilaian yang lebih baik bagi menentukan kesesuaian jenis skim perumahan dengan mengambil kira keupayaan membuat pembayaran balik serta dalam memenuhi komitmen kewangan pemohon-pemohon RPN.

Dengan cara ini, ia akan dapat memastikan penerima-penerima perumahan tersebut tidak dibebani dengan komitmen kewangan yang terlalu tinggi dalam jangka masa yang panjang.

Inisiatif kerjasama ini adalah selaras dengan perancangan pembangunan strategik Biro Kredit dalam memperluaskan liputan maklumat kredit selain daripada maklumat kredit yang biasa diperoleh dari bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan.

Objektif pengumpulan data-data nilai tambah sepertimana yang diperoleh dari pihak JKP ialah sebagai maklumat tambahan pada maklumat perbankan yang sedia ada, yang mana ia akan dapat memberikan gambaran yang lebih holistik tentang kedudukan kredit seseorang individu dan seterusnya meningkatkan lagi pengurusan risiko kredit institusi-institusi kewangan.

Biro Kredit di AMBD mengumpul, menyatukan maklumat-maklumat kredit yang disediakan oleh pembekal-pembekal maklumat. Maklumat-maklumat ini disatukan dalam bentuk laporan kredit, yang mana digunakan bagi tujuan penilaian kepercayaan kredit.

Pada masa ini, pembekal-pembekal maklumat Biro Kredit terdiri dari bank-bank, syarikat-syarikat kewangan dan tabung amanah islam yang berlesen serta pembekal-pembekal perkhidmatan telekomunikasi dan utiliti di Negara Brunei Darssalam, iaitu DST Communication Sendirian Berhad, Telekom Brunei Berhad (TelBru), Progresif Cellular Sendirian Berhad juga Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

Untuk maklumat lanjut mengenai Biro Kredit AMBD, sila layari *http://www.ambd.gov.bn/birokredit* atau melalui e-mel *birokredit@ambd.gov.bn.*

٥٠ تاهون ككل قرار ممرينته دأتس تخت

## 50 TAHUN KEKAL KARAR MEMERINTAH DI ATAS TAKHTA

# Perkembangan pembangunan infrastruktur negara

Oleh : Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan dengan kerjasama Meja Kandungan Khas, Pelita Brunei

## SIRI I

### PENDAHULUAN

PADA tahun ini, genaplah sudah 50 tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memegang tampuk pemerintahan Negara Brunei Darussalam. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mula menerajui takhta pada tahun 1967.

Di sepanjang Kebawah Duli Yang Maha Mulia memegang tampuk pemerintahan Negara Brunei Darussalam sejak tahun 1967 pelbagai perkembangan, kemajuan telah dicapai dan dinikmati dan perkara ini bukan sahaja terbatas kepada perkembangan perhubungan dan penyertaan negara pada peringkat antarabangsa malah diikuti dengan perkembangan serta kemajuan pembangunan di dalam negara sama ada dari segi pendidikan, kesihatan, keselamatan, pembangunan institusi, pembangunan perniagaan tempatan, pembangunan infrastruktur dan jaminan sosial.

Proses pembangunan Negara Brunei Darussalam sememangnya dapat dilihat dengan menyaksikan rakyat dan penduduk di negara ini dapat menikmati taraf hidup yang tinggi dan kualiti kehidupan yang sebanding dengan negara-negara maju di dunia.

Kesemua kemajuan dan pembangunan yang telah dicapai ini telah dilaksanakan oleh kementerian-kementerian dan jabatan - jabatan kerajaan yang dipertanggungjawabkan. Dalam hal ini, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) dipertanggung-jawabkan untuk merancang dalam pembangunan infrastruktur negara bagi penyediaan kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air, rangkaian jalan raya, rawatan kumbahan, sistem saliran, sistem pembetungan dan pembinaan bangunan-bangunan seperti masjid, sekolah, pusat kesihatan, pejabat-pejabat kerajaan, kompleks sukan, pusat penerbangan, pusat pelabuhan dan sebagainya. Pembangunan dan penyediaan kemudahan-kemudahan seperti ini setentunya adalah penting dalam menjaga kesejahteraan dan meningkatkan kualiti hidup rakyat.

Selain itu, JKR juga berperanan dalam membantu kementerian-kementerian yang lain untuk merealisasikan pelaksanaan projek-projek pembinaan bangunan-bangunan dan kerja-kerja awam yang lain dalam perancangan dan pelaksanaan prasarana ugama, pendidikan, kesihatan, sosial dan kebajikan melalui perancangan-perancangan Rancangan Kemajuan Negara (RKN) seperti yang terkandung di dalam petikan titah Kebawah DYMM (RKN Ke-5 1986 - 1990) :

*"RKN Yang Ke-5 1986 sehingga 1990 ini disediakan bukan sahaja bagi memenuhi keperluan untuk lima tahun yang akan datang tetapi juga membuat persediaan jangka panjang sehingga tahun 2005. Seperti juga Rancangan-Rancangan Kemajuan Negara lima tahun yang lalu, hasrat kita ialah untuk menyediakan berbagai-bagai perkhidmatan dan kemudahan bagi kesempurnaan hidup seluruh rakyat serta penduduk negara ini, di samping memperkukuhkan lagi kemajuan ekonomi dan sosial negara."*



LOJI Rawatan Air Layong.

Sehubungan itu, dapatlah dilihat di sini bahawa terdapatnya perkembangan infrastruktur negara yang amat jelas sejak Kebawah DYMM memegang tampuk-tampuk pemerintahan Negara Brunei Darussalam pada tahun 1967. Akan tetapi setiap pelaksanaan projek-projek infrastruktur ini hanyalah dilaksanakan menurut keutamaannya seperti yang terkandung di dalam petikan titah sempena Hari Keputeraan Kebawah DYMM (15 Julai 1989) :

*"Mengenai dengan projek-projek infrastruktur, kerajaan beta telah dapat melaksanakan sebahagian besar dari projek-projek yang telah dikenal pasti di dalam RKN Ke-5, khasnya yang melibatkan kemudahan-kemudahan awam dan termasuklah juga Rancangan Kemajuan Perumahan. Walau bagaimanapun, kerajaan akan sentiasa juga meneliti rancangan-rancangan yang dicadangkan itu dari masa ke masa dan hanya akan melaksanakan sesuatu rancangan itu menurut keutamaannya."*

Antara kemajuan dan perkembangan infrastruktur yang sudah dan sedang dalam pelaksanaan sejak tahun 1967 boleh dilihat dari tiga aspek, iaitu jalan raya, bekalan air dan sistem saliran bagi pengawalan banjir.

### JALAN RAYA

Kebawah DYMM amat mengambil berat terhadap kemudahan rangkaian jalan raya di seluruh kawasan di negara ini. Dalam hal ini, rangkaian jalan raya sepanjang 3,049 kilometer, yang telah diaspal, telah dapat diusahakan yang mana telah meningkatkan hubungan antara daerah-daerah dan antara kawasan-kawasan bandar dan luar bandar termasuk di kawasan pendalaman. Di Daerah Brunei dan Muara (DBM) sepanjang 1,697km telah dibina, 678km di Daerah Belait, 535km di Daerah Tutong dan 139km di Daerah Temburong.

Selain itu, bagi memastikan keselesaan rakyat yang berterusan dan mengurangkan kesesakan lalu lintas, pembangunan dari segi kerja-kerja menaik taraf jalan raya serta memulihara jalan-jalan raya yang sudah ada telah dilaksanakan dari semasa ke semasa di kawasan-kawasan yang tertentu seperti pelebaran jalan kepada dua hala, pelebaran jalan dua hala kepada empat hala serta melakukan kerja-kerja menurap semula jalan-jalan raya yang ada termasuklah di kawasan pendalaman seperti Jalan Sukang dan Melilas.

Bagi mengurangkan lagi kesesakan lalu lintas pembinaan jejambat yang kini berjumlah 22 buah secara keseluruhan telah dibina di persimpangan yang sesak seperti di kawasan Lebuhraya Sultan Hassanal Bolkiah, Lebuhraya Tungku, Berakas, Meragang, Jalan Utama Mentiri, Jalan Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang, Telanai dan Jalan Babu Raja. Manakala sejumlah 30 buah pusing keliling utama, tiga buah pusing keliling berlampu isyarat dan sebuah laluan terowong bawah tanah telah dibina bagi mengurangkan isu kesesakan lalu lintas.

Selain daripada menyelesaikan isu kesesakan lalu lintas, hal-hal keselamatan jalan raya juga turut tidak dilupakan, di mana sekitar 19 buah jejantas telah dibina bagi pejalan kaki seperti jejantas di kawasan sekolah.

Di samping itu, pembinaan jambatan berjumlah 279 buah secara keseluruhan turut dibina di keempat-empat daerah bagi memudahkan penduduk di negara ini dan salah satu projek besar yang menjadi mercu tanda dalam 50 tahun pemerintahan Kebawah DYMM pada tahun ini adalah projek Jambatan Penghubung dari Sungai Kebun ke Jalan Residency. Projek ini, yang menelan belanja sebanyak $140 juta atas perkenan Kebawah DYMM di bawah RKN Ke-10, mula dilaksanakan pada tahun 2013 dan dijangka siap pada tahun 2017. Dengan siapnya projek jambatan sepanjang 607 meter ini nanti, ia akan dapat menghubungkan Mukim Lumapas dengan Bandar Seri Begawan dan secara tidak langsung akan dapat mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas di Jalan Bengkurong Masin dan Jalan Tutong.

Satu lagi kemajuan dalam infrastruktur jalan raya akan dapat disaksikan dengan terbinanya jambatan penghubung di antara DBM dengan Daerah Temburong yang dikenali sebagai Projek Pembinaan Jambatan Temburong. Pelaksanaan projek ini telah mendapat kurnia perkenan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada tahun 2012 seperti yang terkandung di dalam petikan titah sempena Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-66 Tahun (2012) :

*"Sebagai usaha negara yang lebih pembangunan menyeluruh, satu berita baik, setelah selesainya kajian feasibility, Kerajaan beta sekarang ini sedang merancang dengan terperinci bagi pembinaan sebuah jambatan yang akan menghubungkan Daerah Temburong dengan DBM."*

Dengan terbinanya nanti jambatan penghubung sejauh 26km setentunya akan membuka peluang untuk pembinaan lebih banyak prasarana, projek-projek pembangunan, penempatan institusi pendidikan serta peningkatan dari sektor pelancongan, yang boleh dinikmati sama oleh penduduk Daerah Temburong. Projek ini yang menjadi penghubung kepada Jalan Kota Batu dengan Jalan Labu Estate di Daerah Temburong ini dijangka siap pada tahun 2019.

Projek Pembinaan Jambatan Temburong ini merupakan satu projek terpenting dan dilihat sebagai langkah pemodenan Brunei secara besar-besaran seperti yang terkandung dalam petikan titah Kebawah DYMM sempena Menyambut Awal Tahun Baharu Masihi 2016. Melalui pelaksanaan projek tersebut dapat dilihat betapa Kerajaan Kebawah DYMM sentiasa mengambil berat, prihatin serta memeduli keperluan rakyat dan penduduk di negara ini.

BERSAMBUNG

# Tingkat kesihatan, cegah penyakit dari pra-konsepsi




MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi semasa pembukaan Mesyuarat Menteri-Menteri Kesihatan ASEAN Campur Tiga Ke-7 bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Ihsan Kementerian Kesihatan**

**BERAKAS,** Khamis, 7 September. - Sebagai pemimpin sistem kesihatan, kita harus menumpukan pendekatan ke arah menggunakan setiap peluang untuk peningkatan kesihatan dan pencegahan penyakit yang bermula dari pra-konsepsi yang kemudian menuju jalan ke kehidupan.

Ini dinyatakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi semasa pembukaan Mesyuarat Menteri-Menteri Kesihatan ASEAN Campur Tiga Ke-7 bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Yang Berhormat menyeru, rakan ASEAN untuk menilai semula dan membincangkan cara terbaik untuk membentuk rakan kongsi kesihatan ASEAN Campur Tiga untuk memenuhi aspirasi SDG (Sustainable Development Goals) dengan lebih berkesan.

"Satu kawasan tertentu yang saya pasti menarik minat ramai ialah tentang bagaimana kita memenuhi keperluan kesihatan daripada penduduk kita yang semakin tua," ujarnya.

Kekuatan sebagai ASEAN campur tiga jelasnya, telah ditunjukkan melalui kerjasama aktif serta penglibatan peribadi dalam respon kolektif terhadap cabaran-cabaran kesihatan khususnya mereka yang multi-dimensi dan memerlukan fleksibel.

Oleh itu, Yang Berhormat berharap akan menantikan perbincangan tentang bagaimana membolehkan generasi lebih tua mengekalkan kesihatan dan memastikan mereka terus menjadi aset dalam komunitinya.

# Sepakat tingkatkan kerjasama pembangunan kesihatan

**BERAKAS,** Khamis, 7 September. - 'Bersama Menuju ASEAN Yang Sihat' (Together Towards A Healthy ASEAN) adalah amat penting kerana hasil kesihatan itu bergantung pada gabungan faktor sosial, alam sekitar dan ekonomi.

Perkara itu bukan semestinya ditangani oleh Kementerian Kesihatan sahaja bahkan memerlukan pendayaan masyarakat dan penglibatan bersama untuk merealisasikan kesihatan serta kesejahteraan yang lebih baik untuk rakyat.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi menggariskan perkara itu pada Sidang Media Mesyuarat Menteri-Menteri Kesihatan ASEAN Ke-13 (The 13th ASEAN Health Ministers Meeting (AHMM) yang berlangsung di Dewan Sidang Media, Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.




MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain semasa bergambar ramai pada Sidang Media Mesyuarat Menteri-Menteri Kesihatan ASEAN Ke-13 (The 13th ASEAN Health Ministers Meeting (AHMM)) yang berlangsung di Dewan Sidang Media, Pusat Persidangan Antarabangsa.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan selaku Pengerusi Mesyuarat AHMM menambah dalam melaksanakan rancangan kerja tersebut menteri-menteri ASEAN bersepakat untuk meningkatkan lagi kerjasama ASEAN dalam pembangunan kesihatan berdasarkan pendekatan seluruh masyarakat dengan penekanan pada kolaborasi pelbagai sektor yang kuat dan berkesan.

Pada masa yang sama, mesyuarat menteri-menteri turut memberi tindak balas pada semua bahaya dan ancaman yang timbul juga mengukuhkan sistem kesihatan dan akses pada penjagaan serta memastikan keselamatan makanan. Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN juga bersetuju dengan beberapa rancangan kerja untuk menggalakkan gaya hidup sihat.

Sementara itu, Timbalan Setiausaha Agung bagi Komuniti Sosio - Budaya ASEAN, Tuan Yang Terutama Vongthep Arthakaivalvatee menegaskan, bukan sahaja aktiviti kesihatan yang dilaksanakan perlu diserlahkan, tetapi yang lebih penting adalah penerapan budaya kesihatan yang perlu dibuat sebagai keutamaan termasuk advokasi yang kuat untuk pencegahan dalam memerangi risiko kesihatan.

Manakala Pengarah Pengurusan Program Pejabat Serantau Barat Pasifik di Pertubuhan Kesihatan Sedunia, Dr. Takeshi Kasai menjelaskan, kerjasama ASEAN dan WHO adalah dalam keselamatan kesihatan; penyakit tidak berjangkit (NCD) termasuk kawalan tembakau serta penentu kesihatan sosial; sistem kesihatan, akses pada ubat-ubatan dan teknologi.

Beliau menekankan bahawa sistem kesihatan negara yang kukuh dibimbing oleh kepimpinan yang kuat untuk memerangi risiko kesihatan termasuk penyakit berjangkit; produk berbahaya dan haram; makanan yang mempunyai nilai pemakanan yang rendah serta risiko alam sekitar.

# Teknologi memperkasa pengurusan kesihatan

**Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 7 September. - Teknologi merupakan pemangkin yang membolehkan orang ramai untuk mempunyai data dan maklumat dalam membuat pilihan yang tepat mengenai kesihatan mereka di samping dapat memperkasa bagi pengurusan kesihatan, penjagaan dan rawatan mereka dengan lebih baik.

Walaupun potensi itu adalah jelas, namun ramai di antara kita masih belajar bagaimana kita boleh mengendalikan dan memanfaatkan kaedah-kaedah ini demi kepentingan kesihatan dan kesejahteraan manusia.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi menggariskan perkara itu dalam ucapannya pada Mesyuarat Menteri-Menteri Kesihatan ASEAN - China Kali Keenam berlangsung di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas di sini.

Terdahulu, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain menjelaskan, ikatan kerjasama yang telah terjalin secara berterusan adalah bukti akan pentingnya negara-negara kita meletakkan kesihatan dan pengiktirafan bahawa nilai modal kesihatan melebihi daripada modal lain.

"Kami percaya bahawa membangun dan mengekalkan sistem kecergasan dan kesihatan di rantau ini dan menggalakkan kerjasama serantau dalam kesihatan, bukan sahaja akan meningkatkan kesihatan rakyat kami, tetapi juga menambah sumbangan penting dalam pembangunan ekonomi dan sosial di rantau kami," tegas Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Ke arah pelaksanaannya dengan lebih berkesan, Yang Berhormat seterusnya menekankan, perlu mentransformasikan pengkonsepsian (*conceptualisation*) kesihatan kita dan penjagaannya dari model abad ke-20 di mana kerajaan menyediakan penjagaan kesihatan, ke dunia abad ke-21 di mana kita memperkasa rakyat untuk menjadi warga negara lebih aktif dalam penjagaan kesihatan.

Permesyuaratan yang melibatkan Menteri-Menteri Kesihatan ASEAN bersama delegasi dari Republik Rakyat China itu telah membuka ruang untuk sama-sama berkongsi pengalaman terutama dalam penggunaan teknologi bagi mempertingkatkan kesihatan bersama.



SUASANA ketika Mesyuarat Menteri-Menteri Kesihatan ASEAN - China Kali Keenam berlangsung di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

# 1,308 graduan UBD terima ijazah dan diploma



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) berkenan berangkat ke Majlis Konvokesyen Ke-29 UBD yang berlangsung di Dewan Canselor, UBD. Berangkat sama ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Pro Canselor UBD (atas, bawah dan bawah kanan).

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Hernie Suliana Haji Othman, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman, Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**TUNGKU LINK,** Khamis, 7 September. - Majlis Konvokesyen Ke-29 Universiti Brunei Darussalam (UBD) tahun ini menyaksikan seramai 1,308 graduan daripada Kumpulan GenNext Kelima telah berjaya menerima ijazah dan diploma dalam bidang masing-masing.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor UBD berkenan berangkat menyempurnakan pengurniaan ijazah kepada graduan yang berjaya menamatkan pengajian.

Keberangkatan tiba Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Dewan Canselor, UBD, di sini, dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman dan Naib Canselor UBD, Datin Dr. Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz.

Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Pro Canselor UBD.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Bacaan ayat-ayat suci Al-Quran Surah Al-Nahl, ayat 77 hingga 81 dibacakan oleh mahasiswi Ijazah Sarjana Muda Pendidikan, Awang Haji Nasrul Fakhri bin Haji Yahya yang pernah menjuarai beberapa pertandingan peringkat kebangsaan, diikuti dengan sembah alu-aluan daripada Naib Canselor UBD yang antara lain menyembahkan beberapa perkembangan yang dilaksanakan oleh UBD sejak konvokesyen yang lalu.

Baginda kemudian berkenan mengurniakan titah dan menyempurnakan pengurniaan ijazah kepada 863 graduan mengikut bidang masing-masing terdiri daripada 36 graduan yang menerima Ijazah Doktor Falsafah dan 827 graduan menerima Ijazah Sarjana Muda.

Tahun ini, pengeluaran graduan Ijazah Doktor Falsafah telah meningkat kepada 36 penerima berbanding tahun lepas, hanya seramai 28 penerima.

Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Kebawah DYMM juga berkenan berangkat menyaksikan pameran konvokesyen yang menumpukan pada Pelan Strategik Lima Tahun UBD (2016 - 2020). Pameran tersebut mempamerkan iaitu The Global Classroom, Centre For Lifelong Learning (C3L) Programmes dan Entrepreneurship Education.

UBD menduduki tempat 349 universiti-universiti dalam ranking Quacquarelli Symonds (QS) dan meletakkannya dalam kalangan 1.3 peratusan universiti teratas di seluruh dunia. Dalam QS atas 50 di bawah 50, UBD diletakkan di tempat ke-37 dalam kalangan universiti yang ditubuhkan kurang dari 50 tahun yang lalu.

Secara keseluruhan, UBD ditempatkan di anak tangga 123 teratas bagi universiti di Asia, di tangga ke-11 bagi Kategori Fakulti Antarabangsa, tangga ke-13 bagi nisbah pelajar fakulti dan di kedudukan ke-17 bagi Kategori Pelajar Antarabangsa, yang mana ia menempatkan UBD sebagai salah satu universiti 20 teratas di Asia bagi lima kategori.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor UBD berkenan berangkat menyempurnakan pengurniaan Ijazah Doktor Falsafah kepada para graduan (kiri dan kanan).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan berangkat menyempurnakan pengurniaan ijazah kepada para graduan (kanan dan kanan sekali).







BARISAN graduan-graduan yang menerima ijazah masing-masing pada Majlis Konvokesyen tersebut.



ANTARA ibu bapa dan penjaga graduan yang hadir pada majlis tersebut.

## TABUNG AMANAH PEKERJA

### JUALAN LELONG

ADALAH dengan ini dimaklumkan bahawa Tabung Amanah Pekerja akan mengadakan **jualan lelong secara sebut harga** bagi **satu (1) buah kenderaan pejabat.** Orang ramai yang berminat untuk membeli bolehlah mendapatkan borang jualan lelong secara sebut harga di alamat :

**Unit Pentadbiran**
**Tabung Amanah Pekerja**
**Tingkat 11, Bangunan Persekutuan**
**Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB)**
**Jalan Kianggeh**
**Bandar Seri Begawan, BS8111**
**Brunei Darussalam.**
**+673 2382929 sambung 109**
**(Awang Soffian bin Haji Usop /**
**Ak. Md. Khairool Basrah bin Pg. Besar)**

**Tarikh Tutup Tawaran :**
**Selasa, 19 September 2017**
**jam 2.00 Petang.**

**Keterangan Lelong :**
**1 buah Kenderaan Pejabat**
**Caj Borang : BND50.00**

Untuk makluman, orang ramai bolehlah melihat barang lelongan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut :

**Tarikh : 6 hingga 11 September 2017**
**(hari-hari bekerja sahaja)**
**9.00 Pagi hingga 11.00 Pagi**
**2.00 Petang hingga 4.00 Petang**
**Tempat : Ruang Letak Kereta Aras Bawah, Bangunan Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB), Jalan Kianggeh, Bandar Seri Begawan BS8111, Brunei Darussalam.**

Untuk mendapatkan keterangan lebih lanjut, sila hubungi **Awang Soffian bin Haji Usop atau Ak. Md. Khairool Basrah bin Pg. Besar** di talian **+673 2382929 sambungan 109.**

**Syarat-Syarat :**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pemborong firma swasta dan orang ramai.

2. Borang tawaran, syarat-syarat dan keterangan lanjut mengenainya boleh diperoleh dengan menghubungi **Unit Pentadbiran** di talian **+673 2382929 sambungan 109** atau di alamat **Tingkat 11, Bangunan Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB), Jalan Kianggeh, Bandar Seri Begawan BS8111, Brunei Darussalam** semasa waktu pejabat.

3. Hanya penender yang berjaya dalam tawaran sebut harga akan dihubungi untuk tindakan selanjutnya.

4. Lelongan sebut harga yang berjaya ini adalah dinilai berdasarkan harga tawaran yang tertinggi.

5. Kesemua tawaran sebut harga lelong hendaklah diisi menggunakan borang yang diberikan secara lengkap dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga Tabung Amanah Pekerja** tidak lewat pada **Selasa, 19 September 2017 jam 2.00 Petang** dengan menggunakan sampul surat tertutup rapat (*sealed*) dan tertulis dengan terang dan ditujukan ke :

**BORANG SEBUT HARGA SECARA**
**TAWARAN TERTUTUP BAGI**
**KENDERAAN PEJABAT BG8053**
**BIL. RUJUKAN :**
**KKW / ADM / JBT / 27**
**(TAP / ADM / 05-05)**
**Tabung Amanah Pekerja**
**Tingkat 11, Bangunan Persekutuan**
**Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB)**
**Jalan Kianggeh, Bandar Seri Begawan,**
**BS8111, Brunei Darussalam.**

6. Penender yang berjaya dikehendaki membayar secara wang tunai dan memindahkan barang yang dibeli **tidak lewat tujuh (7) hari** dari tarikh pelelongan dan kegagalan berbuat demikian mengakibatkan penender itu dibatalkan dan pembayaran yang dibuat itu tidak akan dikembalikan dan barang tersebut dirampas dan dilelong semula.

## KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA

**BILANGAN SEBUT HARGA :**
**KSSUP / BPK / SH / 06 / 2017 - 2018**

**TAJUK SEBUT HARGA :**
**MEMBINA TEMPAT**
**LETAK BERATAP**
**BAGI KENDERAAN (BAS)**
**DI IBU PEJABAT**
**KEMENTERIAN SUMBER SUMBER**
**UTAMA DAN PELANCONGAN**

**TARIKH TUTUP MENGAMBIL**
**BORANG SEBUT HARGA :**
**16 SEPTEMBER 2017**
**ISNIN, JAM 9.00 PAGI**

**TARIKH TAKLIMAT:**
**16 SEPTEMBER 2017**
**ISNIN, JAM 9.30 PAGI**
**TARIKH TUTUP**
**SEBUT HARGA :**
**21 SEPTEMBER 2017**
**KHAMIS, JAM 2.00 PETANG**

1. Tawaran-tawaran hendaklah dihadapkan kepada alamat berikut :

**Pengerusi**
**Jawatankuasa Sebut Harga**
**Kementerian Sumber-Sumber Utama**
**dan Pelancongan**
**Tingkat Bawah, Bangunan**
**Kementerian Sumber-Sumber Utama**
**dan Pelanconagn**
**Jalan Menteri Besar, BB3910**
**Negara Brunei Darussalam.**

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dalam sampul surat yang bertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bilangan / tajuk tawaran dan tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan identiti syarikat / pembekal.
4. Dokumen-dokumen dan borang-borang tawaran serta keterangan lanjut bolehlah diperoleh dari **Unit Bangunan, Bahagian Pengurusan dan Kewangan tingkat 4, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam.**
5. Harga dokumen tawaran akan dikenakan sebanyak **BND10.00 (tidak dikembalikan)** bagi setiap tawaran pada waktu berkerja :

**Isnin** hingga **Khamis**
**8.30 Pagi** hingga **12.00 Tengah hari**
**Sabtu**
**8.30 Pagi** hingga **10.00 Pagi**

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah.
7. Salinan sijil pendaftaran perniagaan dan salinan kad pengenalan hendaklah disertakan bersama.

## JUALAN LELONG DI BALAI POLIS MARIN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SUKACITA dimaklumkan bahawa acara Jualan Lelong tersebut akan diadakan pada **13 September 2017, jam 10.00 Pagi, bertempat di Kawasan Ibu Pejabat Balai Polis Marin Muara, Negara Brunei Darussalam.**

## KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI DAN PERDAGANGAN

**JABATAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN ANTARABANGSA KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI DAN PERDAGANGAN**

**JAWATAN-JAWATAN KOSONG DI SEKRETARIAT KOMANWEL**

**1. Adviser and Head of Economic Policy and Small States**
**KEKOSONGAN : 1**
**TARIKH TUTUP : 22 September 2017**

**2. Head of Portfolio Management**
**KEKOSONGAN : 1**
**TARIKH TUTUP : 14 September 2017**

**3. Budget Management Analyst**
**Strategy, Portfolio Partnership (SPP) Division**
**KEKOSONGAN : 1**
**TARIKH TUTUP : 14 September 2017**

UNTUK makluman, maklumat lanjut mengenai jawatan tersebut boleh didapati melalui laman sesawang *www.thecommonwealth.org/jobs.*

**JAWATAN KOSONG DI SEKRETARIAT AGUNG PERTUBUHAN KERJASAMA ISLAM (OIC)**

**1. Professional Officer at the Department of Dialogue and Outreach**
**Penempatan : Jeddah, Arab Saudi**
**TARIKH TUTUP : 31 Oktober 2017**

## JABATAN PERKHIDMATAN AWAM JABATAN PERDANA MENTERI

**BILANGAN TAWARAN :**
**JPA / KPA / TEND / 02 / 2017**

**MEMOTONG RUMPUT**
**DI DALAM DAN DI LUAR**
**KAWASAN BANGUNAN**
**KELAB PERKHIDMATAN AWAM,**
**KAMPUNG MENTIRI**
**BAGI TAHUN 2017 - 2020**
**(3 TAHUN)**

**Syarat-Syarat Tawaran:**

1. DIBUKA kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dan diluluskan oleh Kementerian Pembangunan dalam kelas dan kategori-kategori kerja; Kelas 1(4c) dan 11 (4c). Tempoh tawaran adalah selama tiga(3) tahun dari tarikh perjanjian ditandatangani.

2. Tawaran hendaklah dihantar kepada :

**Pengerusi**
**Lembaga Tawaran Kecil**
**Jabatan Perdana Menteri**
**Lantai Bawah 1**
**Jalan Menteri Besar**
**Bandar Seri Begawan, BB3913**
**Negara Brunei Darussalam.**

3. Tarikh tutup tawaran ialah pada **hari Selasa, 19 September 2017, jam 2.00 Petang**. Mana-mana tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Tawaran hendaklah ditulis dengan betul serta jelas menggunakan borang yang disediakan dan seterusnya dimasukkan ke dalam sampul surat biasa yang ditutup rapi dengan membubuh bilangan dan tajuk tawaran disebelah kiri sampul surat tanpa membubuh nama syarikat / pembekal.

5. Tawaran hendaklah disertakan dengan sijil perniagaan yang berdaftar.

6. Keterangan lanjut syarat serta borang tawaran boleh diperoleh dari :

**BAHAGIAN PEMBANGUNAN**
**DAN PENGURUSAN**
**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**
**TINGKAT 4**
**BANGUNAN SURUHANJAYA**
**PERKHIDMATAN AWAM**
**LAPANGAN TERBANG LAMA**
**BERAKAS**
**BANDAR SERI BEGAWAN**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menyokong tawaran yang paling rendah.

**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

## NOTIS JUALAN LELONG SECARA TAWARAN AWAM

**PETI TAWARAN SEBUT HARGA**
**TINGKAT 1**
**BAHAGIAN PENGHANTARAN & PEMBAHAGIAN**
**IBU PEJABAT JABATAN**
**PERKHIDMATAN ELEKTRIK**
**LAPANGAN TERBANG LAMA BERAKAS**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

**TAWARAN DIIKLANKAN**

**TARIKH DIBUKA : 7 September 2017**

**TARIKH DITUTUP : 13 September 2017**
**(jam 3.00 Petang)**

**TARIKH MENYAKSIKAN**
**7** hingga **13 September 2017**
**8.30 Pagi** hingga **11.30 Pagi**
**(pada hari-hari waktu bekerja)**

**Lot. 1**
**Keterangan : PHASE METER**
**Kuantiti : 21,745 Unit**
**Tempat : Main Store JPE Gadong**

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN adalah dipelawa kepada pemborong-pemborong firma swasta dan orang-orang perseorangan. Barang yang ditawarkan adalah berasaskan sebagaimana keadaan semasa ditawarkan.

2. Borang tawaran, syarat-syarat dan keterangan lanjut mengenainya bolehlah diperoleh dari **Unit Pendaftaran, Bahagian Perdagangan, Tingkat 1, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri, Lapangan Terbang Lama Berakas** atau menghubungi di talian **+673 2382090** sambungan **210.**

3. Borang tawaran yang lengkap hendaklah dihantar ke **Bahagian Penghantaran & Pembahagian, Tingkat 1, Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam** dalam sampul surat yang tertutup dengan membubuh tajuk **"TAWARAN LELONG SEBUT HARGA TERTUTUP, BIL. RUJUKAN : KKW/ / /"** dan dimasukkan ke dalam peti tawaran yang telah disediakan.

---

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

## REGUEST FOR INFORMATION MINISTRY OF DEVELOPMENT

Open Invitation for Proposals

**TO SUPPLY, DEVELOPMENT, DELIVERY AND MAINTENANCE OF THE GOVERNMENT ASSET AND INFRASTRUCTURE SYSTEM (GAIS)**

THE Ministry of Development invites proposals from interested parties to Supply, Development, Delivery and Maintenance of the Government Asset and Infrastructure System (GAIS) for Negara Brunei Darussalam.

The objective of this project is :

- To understand the feasibility of propsed projet scope and availability of current system in the market (both local and overseas).
- To obtain an estimate of the total cost of ownership.
- To know the capabilities of vendors in proposing and implementing such project.
- To inform the approach in acquiring the appropriate and available system / technology.

More detailed information and guidelines for submitting the RFI will be provided in the RFI document.

Interested parties may collect the RFI document form :

**4th Floor**
**IT Unit, Corporate Management DivisionMinistry of Development,**
**Jalan Pembangunan,**
**Negara Brunei Darussalam**
OR
e-mail to *gais@mod.gov.bn*

subject heading
**KPN / IT / 002 / 01.24 : RFI**
**TO SUPPLY, DEVELOPMENT, DELIVERY AND MAINTENANCE OF THE GOVERNMENT ASSET AND INFRASTRUCTURE SYSTEM (GAIS)**

attaching company details, e-mail and contact number.

Completed proposal should be submitted **not later than 2.00 Pm** on **Tuesday, 10th October 2017** in a sealed envelope clearly labelled as below :

**KPN / IT / 002 / 01.24 : RFI**
**TO SUPPLY, DEVELOPMENT, DELIVERY AND MAINTENANCE OF THE GOVERNMENT ASSET AND INFRASTRUCTURE SYSTEM (GAIS)**

**4th Floor**
**IT Unit, Corporate Management Division**
**Ministry of Development**
**Jalan Pembangunan**
**Negara Brunei Darussalam**
OR
e-mail to *gais@mod.gov.bn*

with subject heading

**KPN / IT / 002 / 01.24 : RFI**

**TO SUPPLY, DEVELOPMENT, DELIVERY AND MAINTENANCE OF THE GOVERNMENT ASSET AND INFRASTRUCTURE SYSTEM (GAIS)**

---

**KEMENTERIAN KESIHATAN**

DOKUMEN-DOKUMEN tawaran, syarat-syarat sepenuhnya serta penerangan lanjut bolehlah diperoleh dari **Bahagian Perolehan, Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan,** semasa waktu-waktu bekerja, mulai **Rabu, 23 Ogos 2017.** Sila layari *website* Kementerian Kesihatan ***www.moh.gov.bn.***

Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan menyatakan bilangan tajuk tawaran serta tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada :

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil**
**Peti Tawaran, Tingkat Bawah**
**Kementerian Kesihatan**
**Commonwealth Drive**
**Bandar Seri Begawan, BB 3910**
**Negara Brunei Darussalam.**

Dokumen dokumen tawaran hendaklah dihantar tidak lewat dari **jam 2.00 Petang, Selasa, 19 September 2017.**

Yuran tawaran (*tender fee*) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan **WANG TUNAI** sahaja dan yuran tawaran (tidak akan dikembalikan). Pembayaran hendaklah dibuat di **Bahagian Perolehan, Tingkat Bawah, Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan** semasa waktu-waktu bekerja.

**Waktu Menerima Bayaran**
**Isnin** hingga **Khamis**
**8.00 Pagi** hingga **11.00 Pagi**
**2.00 Petang** hingga **3.00 Petang**
**Sabtu**
**8.00 Pagi** hingga **10.00 Pagi**

- Tawaran adalah dibukakan kepada semua pemborong dan hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :

- Sijil pendaftaran perniagaan yang masih sah laku dan berdaftar dengan Kementerian Kesihatan.
- Manakala bagi pemborong / pembekal yang menyertai tawaran ubat-ubatan (drug and medicine) mestilah mempunyai Lesen Racun yang sah Poison Act (Cap. 114).
- Manakala bagi pemborong / pembekal yang menyertai tawaran bagi kerja-kerja pembangunan dan pendawaian elektrik mestilah mempunyai lesen pendaftaran yang masih sah dari Kementerian Pembangunan.

BILANGAN TAWARAN :
**KK / 87 / 2017 (PKK)(TC)**
KETERANGAN :
**DOMESTIC WASTE COLLECTION AND DISPOSAL SERVICES FOR HEALTH CENTRES AND CLINICS FOR THE BRUNEI - MUARA DISTRICT FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS**
YURAN TAWARAN : **BND10.00**

BILANGAN TAWARAN :
**KK / 88 / 2017(HTD)(TC)**
KETERANGAN :
**THE PROVISION OF MAINTENANCE SERVICES FOR FRESENIUS DIALYSIS MACHINE FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS**
YURAN TAWARAN : **BND500.00**
TARIKH TUTUP :
**tidak lewat jam 2.00 Petang**
**19 September 2017**

BILANGAN TAWARAN :
**PHARM / 158 / 2017**
KETERANGAN :
**THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES, MINISTRY OF HEALTH**
YURAN TAWARAN : **BND30.00**

BILANGAN TAWARAN :
**PHARM / 159 / 2017**
KETERANGAN :
**THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES, MINISTRY OF HEALTH**
YURAN TAWARAN : **BND10.00**

BILANGAN TAWARAN :
**PHARM / 160 / 2017**
KETERANGAN :
**THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES, MINISTRY OF HEALTH**
YURAN TAWARAN : **BND10.00**

BILANGAN TAWARAN :
**PHARM / 161 / 2017**
KETERANGAN :
**THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES, MINISTRY OF HEALTH**
YURAN TAWARAN : **BND30.00**

BILANGAN TAWARAN :
**PHARM / 162 / 2017**
KETERANGAN :
**THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES, MINISTRY OF HEALTH**
YURAN TAWARAN : **BND30.00**

BILANGAN TAWARAN :
**PHARM / 163 / 2017**
KETERANGAN :
**THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES MINISTRY OF HEALTH**
YURAN TAWARAN : **BND30.00**
TARIKH TUTUP :
**tidak lewat jam 2.00 Petang**
**19 September 2017**

BILANGAN TAWARAN :
**PHARM / 164 / 2017**
KETERANGAN :
**THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES, MINISTRY OF HEALTH**
YURAN TAWARAN : **BND10.00**

BILANGAN TAWARAN :
**PHARM / 165 / 2017**
KETERANGAN :
**THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES, MINISTRY OF HEALTH**
YURAN TAWARAN : **BND10.00**

BILANGAN TAWARAN :
**PHARM / 166 / 2017**
KETERANGAN :
**THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES, MINISTRY OF HEALTH**
YURAN TAWARAN : **BND30.00**

BILANGAN TAWARAN :
**PHARM / 167 / 2017**
KETERANGAN :
**THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES, MINISTRY OF HEALTH**
YURAN TAWARAN : **BND10.00**

BILANGAN TAWARAN :
**PHARM / 168 / 2017**
KETERANGAN :
**THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES, MINISTRY OF HEALTH**
YURAN TAWARAN : **BND30.00**
TTARIKH TUTUP :
**tidak lewat jam 2.00 Petang**
**19 September 2017**

IKLAN *WEBSITE* : **23 OGOS 2017.**

**UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI**

**TAJUK TAWARAN :**

**1. UNISSA / LTK / KANTIN (1) 2017 / 2018**
**TAWARAN PERKHIDMATAN KANTIN KOLEJ KEDIAMAN UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI BAGI TEMPOH EMPAT (4) BULAN**

1. TAWARAN adalah dipelawa dari syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Dokumen tawaran boleh didapati :
**BAHAGIAN KEWANGAN**
**TINGKAT 1**
**BANGUNAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN**
**SIMPANG 347**
**JALAN PASAR BAHARU**
**GADONG, BE1310**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

3. Pada waktu-waktu seperti berikut :
**Isnin** hingga **Khamis**
**8.30 Pagi** hingga **11.00 Pagi**
**2.00 Petang hingga 3.00 Petang**
**Sabtu**
**8.30 Pagi** hingga **10.00 Pagi**

4. Yuran tawaran adalah **BND30.00** sahaja dan tidak akan dikembalikan kepada setiap syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang sah.

5. Tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disedia di Tingkat Bawah, Bangunan Pentadbiran dan Kewangan, Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan dialamatkan kepada :

**PENGERUSI**
**LEMBAGA TAWARAN KECIL**
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**
**BAHAGIAN PERKHIDMATAN KEWANGAN 'A'**
**BLOK 'A', TINGKAT 1**
**LAPANGAN TERBANG LAMA**
**BERAKAS**
**BANDAR SERI BEGAWAN, BB3510**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

6. Tawaran hendaklah disimpan di dalam sampul surat tertutup rapi. Pada sampul surat berkenaan hendaklah ditulis di sebelah kiri atas tanpa menyatakan sebarang nama atau logo syarikat.

7. Tawaran hendaklah dikembalikan tidak lewat pada **12 September 2017, Rabu, jam 2.00 Petang**. Tawaran yang lewat dihantar tidak akan diterima.

8. Sijil pendaftaran syarikat dari Pejabat Peguam Negara (Form 16 dan 17 / Form X) hendaklah disertakan bersama tawaran.

9. Sijil pengiktirafan dari Kementerian Pembangunan, AITI dan yang berkenaan bagi kerja-kerja yang berkaitan.

10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau sebarang tawaran.

---

**JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN**
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KANTIN**

BILANGAN SEBUT HARGA :
**DA / JKSH / 58 / 2017 / 2018**
**[BPPA - OGOS - 2017]**
KETERANGAN :
**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI SEKOLAH RENDAH RAJA ISTERI FATIMAH, BANDAR SERI BEGAWAN, KLUSTER 2, DAERAH BRUNEI MUARA, KEMENTERIAN PENDIDIKAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN**

BAYARAN YURAN / DOKUMEN SEBUT HARGA : **BND5.00**
**(bayaran dokumen sebut harga tidak dikembalikan)**

BILANGAN SEBUT HARGA :
**DA / JKSH / 59 / 2017 / 2018**
**[BPPA - OGOS - 2017]**
KETERANGAN :
**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI SEKOLAH RENDAH MULAUT, KLUSTER 2, DAERAH BRUNEI MUARA, KEMENTERIAN PENDIDIKAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN**

BAYARAN YURAN / DOKUMEN SEBUT HARGA : **BND5.00**
**(bayaran dokumen sebut harga tidak dikembalikan)**

BILANGAN SEBUT HARGA :
**DA / JKSH / 60 / 2017 / 2018**
**[BPPA - OGOS - 2017]**
KETERANGAN :
**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI SEKOLAH RENDAH BENDAHARA LAMA, KLUSTER 2, DAERAH BRUNEI MUARA, KEMENTERIAN PENDIDIKAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN**

BAYARAN YURAN / DOKUMEN SEBUT HARGA : **BND5.00**
**(bayaran dokumen sebut harga tidak dikembalikan)**

**TARIKH TUTUP DAN WAKTU :**
**16 September 2017**
**(tidak lewat jam 9.00 Pagi)**

BILANGAN SEBUT HARGA :
**DA / JKSH / 61 / 2017 / 2018**
**[BPPA - OGOS - 2017]**
KETERANGAN :
**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI SEKOLAH RENDAH TANJONG KINDANA, KAMPUNG SUNGAI BUNGA, KLUSTER 4, DAERAH BRUNEI MUARA, KEMENTERIAN PENDIDIKAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN**

BAYARAN YURAN / DOKUMEN SEBUT HARGA : **BND5.00**
**(bayaran dokumen sebut harga tidak dikembalikan)**

BILANGAN SEBUT HARGA :
**DA / JKSH / 62 / 2017 / 2018**
**[BPPA - OGOS - 2017]**
KETERANGAN :
**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGISEKOLAH MENENGAH SAYYIDINA OTHMAN, KAMPUNG BUKIT BERUANG, KLUSTER 5, DAERAH TUTONG, KEMENTERIAN PENDIDIKAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN**

BAYARAN YURAN / DOKUMEN SEBUT HARGA : **BND5.00**
**(bayaran dokumen sebut harga tidak dikembalikan)**

BILANGAN SEBUT HARGA :
**DA / JKSH / 63 / 2017 / 2018**
**[BPPA - OGOS - 2017]**
KETERANGAN :
**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI SEKOLAH RENDAH PENGIRAN DIPA NEGARA PENGIRAN JAYA SENGKARAI, KLUSTER 5, DAERAH TUTONG, KEMENTERIAN PENDIDIKAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN**

BAYARAN YURAN / DOKUMEN SEBUT HARGA : **BND5.00**
**(bayaran dokumen sebut harga tidak dikembalikan)**

BILANGAN SEBUT HARGA :
**DA / JKSH / 64 / 2017 / 2018**
**[BPPA - OGOS - 2017]**
KETERANGAN :
**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI SEKOLAH RENDAH PENGIRAN KESUMA NEGARA BUKIT BERUANG, KLUSTER 5, DAERAH TUTONG KEMENTERIAN PENDIDIKAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN**

BAYARAN YURAN / DOKUMEN SEBUT HARGA : **BND5.00**
**(bayaran dokumen sebut harga tidak dikembalikan)**

BILANGAN SEBUT HARGA :
**DA / JKSH / 65 / 2017 / 2018**
**[BPPA - OGOS - 2017]**
KETERANGAN :
**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI PUSAT TINGKATAN ENAM TUTONG, KAMPUNG PERPINDAHAN RAKYAT JATI BUKIT BERUANG TUTONG, KLUSTER 5, DAERAH TUTONG KEMENTERIAN PENDIDIKAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN (KANTIN BAHAGIAN BLOK 'A')**

BAYARAN YURAN / DOKUMEN SEBUT HARGA : **BND5.00**
**(bayaran dokumen sebut harga tidak dikembalikan)**

TARIKH TUTUP DAN WAKTU :
**16 September 2017**
**(tidak lewat jam 9.00 Pagi)**

**HARI DAN WAKTU PENERIMAAN WANG BAYARAN YURAN / DOKUMEN SEBUT HARGA**
**Isnin** hingga **Khamis**
**8.00 Pagi** hingga **11.45 Pagi**
**1.45 Petang** hingga **3.00 Petang**
**Sabtu**
**8.00 Pagi** hingga **10.00 Pagi**

**SYARAT-SYARAT IKLAN SEBUT HARGA**

1. SEBUT HARGA adalah dipelawa dari syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Dimiliki dan dijalankan oleh warga tempatan.

2. Bayaran dokumen sebut harga bagi setiap sebut harga adalah dikehendaki dalam bentuk wang tunai. Penender adalah dikehendaki membayar semua bayaran dokumen sebut harga seperti yang diiklankan Yuran sebut harga tidak akan dikembalikan kepada setiap penender sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar sebut harga yang jujur *(bona-fide-tender)*.

3. Kadar bayaran dokumen sebut harga adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan sebut harga.

Sebelum mengambil borang, setiap penender hendaklah membayar borang dokumen sebut harga, di Tingkat 1, Blok 'B', Kaunter 1, Unit Tunai dan Hasil, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'B', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam. Sila pastikan resit pembayaran borang dokumen sebut harga yang diterima adalah betul.

Borang-borang sebut harga boleh diperoleh di Tingkat 1, Blok 'A', Kaunter 6, Unit Tawaran dan Sebut Harga Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'A', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam dengan menyertakan resit pembayaran dokumen.

Setiap borang sebut harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah menyertakan salinan sijil pendaftaran perniagaan dan salinan resit bayaran dokumen sebut harga.

Sebut Harga-sebut harga hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan ditutup rapi. Pada bahagian atas kiri sampul surat hendaklah ditulis bilangan sebut harga, tajuk sebut harga dan tarikh tutup sebut harga tanpa menunjukkan identiti penender dan ditujukan kepada :
**Pengerusi, Jawatankuasa Sebut Harga, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan Kementerian Pendidikan, Bangunan Kementerian Pendidikan, Blok 'A', Tingkat 1, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'A', Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

SEBUT HARGA hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga, Unit Tawaran dan Sebut Harga, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Blok 'A' Tingkat 1, Bahagian Kewangan 'A', Bangunan Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Sebut Harga-sebut harga yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai Sebut Harga tidak jujur *(non-bona-fide-tender)* dan tidak akan dilayan.

Setiap sebut harga yang diisi dan ditulis dengan tidak betul, tidak jelas dan tidak lengkap adalah dikira rosak dan ditolak.

Penender yang menolak atau membatalkan sebut harga atau kontrak setelah kebenaran sebut harga diperoleh atau setelah tutup sebut harga akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

# RUMUSAN BARANGAN KEPERLUAN HARIAN BAGI BULAN SEPTEMBER 2017 DI DAERAH BRUNEI DAN MUARA

| BIL | DESCRIPTION | FIRST EMPORIUM & SUPERMARKET (BR) JLN TUTONG | HUA HO DEPARTMENT STORE (TG BUNUT) | SIM KIM HUAT TRADING CO SDN BHD (KIULAP) | SUPA SAVE & SMART | UTAMA GRAND SUPERSTORE SDN. BHD. |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | **Mentega / Marjerin** | | | | | |
| | GOLDEN CHURN - 340 g | $ 5.70 | $ 5.65 | $ 5.49 | $ 5.55 | $ 5.59 |
| | QBB - 454 g | $ - | $ 7.95 | $ 7.29 | $ - | $ - |
| | PLANTA; Margarine - 480 g | $ 3.20 | $ 3.50 | $ 3.99 | $ 3.90 | $ 3.39 |
| 2 | **Makanan Dalam Tin** | | | | | |
| | YEO'S; Chicken Curry - 145 g | $ 1.50 | $ 1.60 | $ 1.50 | $ 1.55 | $ 1.50 |
| | REX; Chicken Curry - 160 g | $ 1.50 | $ 1.60 | $ 1.50 | $ 1.70 | $ 1.69 |
| | AYAM BRAND; Sardine In Tomato Sauce Tall - 230 g | $ 2.40 | $ 2.40 | $ 2.09 | $ 2.40 | $ 2.50 |
| | KARA; Natural Coconut Extract - 200 ml | $ 1.20 | $ 1.20 | $ 0.99 | $ 1.00 | $ 1.05 |
| | AYAM BRAND; Coconut Milk Blue Tin - 270 ml | $ - | $ 1.80 | $ 1.80 | $ 1.90 | $ 1.80 |
| | CHAKOAH; Coconut Milk Gata - 400 ml | $ 1.80 | $ 1.75 | $ 1.59 | $ 1.60 | $ 1.55 |
| | BABU KITCHEN; Coconut Milk Indo - 400 ml | $ 1.75 | $ 1.60 | $ 1.55 | $ 1.90 | $ 1.60 |
| 3 | **Telor Ayam** | | | | | |
| | 1 Tray (30 biji) (Size M/B) - 1 tray | $ 5.00 | $ 4.10 | $ 4.20 | $ - | $ 4.29 |
| 4 | **Susu Pekat Manis** | | | | | |
| | F&N - 390 g | $ 1.00 | $ 1.05 | $ - | $ - | $ - |
| | MILKMAID - 388 g | $ 1.05 | $ 1.05 | $ 1.05 | $ 1.05 | $ 1.15 |
| | TEAPOT - 388 g | $ - | $ 1.25 | $ - | $ 1.25 | $ - |
| 5 | **Minyak Masak** | | | | | |
| | SANIA - 5 ltr | $ - | $ 7.45 | $ 7.50 | $ 8.00 | $ - |
| | SERI MURNI - 5 kg | $ - | $ 8.05 | $ 7.99 | $ 8.00 | $ 7.99 |
| | MAZOLA; Corn - 3 kg | $ - | $ 16.35 | $ 15.75 | $ 15.90 | $ - |
| | NATUREL; Sunflower - 3 kg | $ - | $ 10.80 | $ 10.50 | $ 10.30 | $ 10.80 |
| | LABOUR @ CAP BURUH - 5 kg | $ 9.90 | $ 11.50 | $ 10.50 | $ 11.50 | $ 10.80 |
| | SUNCO; Vegetable - 5 ltr | $ - | $ 9.40 | $ 9.29 | $ 8.95 | $ 9.29 |
| | BORGES; Classic Olive Oil - 1 ltr | $ 9.60 | $ 9.55 | $ - | $ - | $ 10.90 |
| | COLAVITA; Olive Oil - 1 ltr | $ 7.95 | $ 8.50 | $ - | $ - | $ 7.99 |
| | FRAGATA; Olive Oil - 1 ltr | $ 11.20 | $ 12.00 | $ - | $ - | $ 12.99 |
| | LINKS; Pure Olive Oil - 1 ltr | $ 13.90 | $ 13.40 | $ - | $ - | $ - |
| | NATUREL; Olive Oil - 750 ml | $ 8.90 | $ - | $ - | $ - | $ - |
| | OLITALIA 100% Pure Olive Oil - 1 ltr | $ - | $ 9.25 | $ - | $ 12.80 | $ 10.00 |
| 6 | **Sirup Berperisa** | | | | | |
| | F&N SUN VALLEY; Grenadine - 2 lit | $ 3.75 | $ 4.00 | $ 3.60 | $ 3.60 | $ 3.49 |
| | F&N SUN VALLEY; Rose - 2 lit | $ - | $ 5.30 | $ - | $ 3.60 | $ - |
| | F&N SUN VALLEY; Sarsi - 2 lit | $ 4.70 | $ 4.00 | $ 4.99 | $ 3.60 | $ 3.49 |
| | RIA KORDIAL; Rose - 2 lit | $ - | $ 4.60 | $ 4.49 | $ - | $ - |
| | RIA KORDIAL; Sarsi - 2 lit | $ - | $ 4.60 | $ 4.49 | $ - | $ - |
| | ROSE; Rose Syrup Flavour - 750 ml | $ 3.95 | $ 4.20 | $ 3.99 | $ 3.80 | $ 4.20 |
| 7 | **Pencuci Pakaian** | | | | | |
| | EKONOMI; Handalan Putih Kekal Baru - 2.5 kg | $ - | $ - | $ - | $ 5.50 | $ - |
| | DAIA; Excellent Washing Powder - 2.5 kg | $ - | $ 6.55 | $ 5.99 | $ 6.50 | $ 6.30 |
| | DYNAMO; Liquid Detergent - 1 kg | $ - | $ - | $ - | $ 34.00 | $ - |
| | BREEZE; Liquid Detergent - 2000 ml | $ - | $ - | $ 5.60 | $ 5.90 | $ - |
| | CLOROX; Liquid Bleach - 1 lit | $ 2.00 | $ 1.90 | $ 1.95 | $ 2.00 | $ 1.90 |
| 8 | **Mee Kering** | | | | | |
| | Cap Udang MBS - Medium Flat Sabah - 400 g | $ 2.00 | $ 1.90 | $ 1.90 | $ - | $ 1.80 |
| | Falcon & Moon Stick Noodle Tai Thong - 150 g | $ 0.50 | $ 0.55 | $ 0.45 | $ 0.55 | $ - |
| | Wai Wai Oriental Style - 400 g | $ - | $ 1.25 | $ 1.30 | $ 1.05 | $ 1.29 |
| | CAP LIMAU; Mee Hoon - 400 g | $ 1.15 | $ 1.10 | $ 1.10 | $ 1.00 | $ 1.10 |
| 9 | **Susu Cair** | | | | | |
| | COW BELL - 400 g | $ - | $ 1.00 | $ 0.99 | $ 1.00 | $ 1.05 |
| | F&N - 400 g | $ - | $ 1.20 | $ 1.05 | $ - | $ 1.15 |
| | IDEAL - 405 g | $ - | $ 1.45 | $ 1.29 | $ 1.45 | $ 1.39 |
| 10 | **Tepung** | | | | | |
| | PRIMA; Plain - 1 kg | $ 2.25 | $ 2.35 | $ 1.99 | $ 2.00 | $ 2.15 |
| | GREEN SP; Interflour - 1 kg | $ 1.35 | $ 1.40 | $ 1.29 | $ 1.25 | $ - |
| 11 | **Susu Tepung Berformula** | | | | | |
| | DUMEX; Dugro 1 Plus (1-3 thn) Tanpa Sukrosa (TS) Asli - 900 g | $ - | $ - | $ 8.49 | $ 9.00 | $ 8.75 |
| | DUMEX; Dugro 1 Plus (1-3 thn) Tanpa Sukrosa (TS) Honey Date - 900 g | $ - | $ - | $ - | $ - | $ 8.75 |
| | DUMEX; Dugro 1 Plus (1-3 thn) Tanpa Sukrosa (TS) Chocolate Strawberry - 900 g | $ - | $ - | $ - | $ - | $ 8.75 |
| | DUMEX; Dugro 1 Plus (1-3 thn)Fruit & Vegetable - 900 g | $ - | $ - | $ - | $ - | $ 10.80 |
| | DUMEX; Dugro 3 (1-3 thn) Tanpa Sukrosa (TS) Honey Date - 900 g | $ - | $ 8.65 | $ - | $ 9.00 | $ - |
| | DUMEX; Dugro 3 (1-3 thn) Tanpa Sukrosa (TS) Chocolate Strawberry - 900 g | $ - | $ - | $ - | $ 9.00 | $ 8.75 |
| | DUMEX; Dugro 3 (1-3 thn) Tanpa Sukrosa (TS) Fruits & Vegetables - 600 g | $ - | $ - | $ - | $ 7.40 | $ 7.40 |
| | DUMEX; Dugro 3 (1-3 thn) Tanpa Sukrosa (TS) Fruits & Vegetables - 900 g | $ - | $ 10.35 | $ - | $ 10.80 | $ 10.80 |
| | NESTLE; Nan - 1 Pro Infant Formula (0 - 12 Bln)Langkah 1 (0 - 12 Mths) Pro Plus Bifidus B, Nukleotida DHA + ARA Stripe - (Turquoise) - 700 g (350g X 2) | $ 27.60 | $ 27.40 | $ 26.49 | $ 27.50 | $ - |
| | NESTLE; Nan - 2 Pro Follow Up Formula (6 Mths - 3 Yrs) Langkah 2 (6 Mths - 3 Yrs) Pro Plus Bifidus B, Nukleotida DHA + ARA Stripe - 700 g (350g X 2) | $ - | $ 26.20 | $ 25.49 | $ 26.50 | $ - |
| | NESTLE; Nan - 3 Grow Formulated Milk Powder For Children (1 - 3 Yrs) Pro Grow Bifidus B, Optipro Lipidsmart DHA + ARA Stripe - (Blue) - 700 g (350g X 2) | $ - | $ 18.20 | $ 17.49 | $ - | $ - |
| 12 | **Ayam Segar** | | | | | |
| | Whole Chicken (Bulat) - 1 kg | $ 4.50 | $ 4.50 | $ 4.29 | $ 4.30 | $ 4.49 |
| 13 | **Lampin Bayi Pakai Buang** | | | | | |
| | DRYPERS; Wee Wee Dry Newborn (Up t0 5 kg) - NB 28 | $ - | $ 7.15 | $ 6.00 | $ 16.40 | $ - |
| | DRYPERS; Small (3-7 kg) - S 32 | $ - | $ - | $ 6.00 | $ 16.40 | $ 6.50 |
| | DRYPERS; Medium (6-11 kg) - M 28 | $ - | $ - | $ 7.50 | $ 16.40 | $ - |
| | DRYPERS; Large (9-14 kg) - L 44 | $ 10.90 | $ 10.70 | $ 12.39 | $ 16.40 | $ 10.90 |
| | MAMY POKO; Newborn (Up t0 5 kg) - NB 28+2 | $ - | $ - | $ - | $ 9.00 | $ - |
| | MAMY POKO; Small (3-8 kg) - S 44 | $ 14.70 | $ 12.80 | $ 13.99 | $ 13.90 | $ 12.80 |
| | MAMY POKO; Medium (6-11 kg) - M 38 | $ 14.70 | $ - | $ 13.99 | $ 13.90 | $ 12.80 |
| | MAMY POKO; Large (9-14 kg) - L 32 | $ - | $ 12.80 | $ 13.99 | $ 13.90 | $ 12.80 |
| | EQ DRY; Newborn (Up t0 5 kg) - NB 20/22 | $ - | $ - | $ 3.80 | $ 3.80 | $ - |
| | EQ DRY; Small (3-7 kg) - S 40 | $ - | $ 7.80 | $ 7.50 | $ 7.50 | $ 7.50 |
| | EQ DRY; Medium (6-11 kg) - M 36 | $ - | $ 7.80 | $ 7.50 | $ 7.50 | $ 7.50 |
| | EQ DRY; Large (9-14 kg) - L 48 | $ - | $ 10.55 | $ 10.95 | $ 15.50 | $ 10.50 |
| 14 | **Mee segera** | | | | | |
| | MAGGI; Curry - 80g x 5 | $ 1.50 | $ 1.40 | $ 1.39 | $ 1.35 | $ 1.59 |
| | MAGGI; Ayam - 80g x 5 | $ 1.50 | $ 1.40 | $ 1.39 | $ 1.35 | $ 1.59 |
| | INDO FOOD; Mee Goreng - 80g x 5 | $ 1.60 | $ 1.70 | $ 1.55 | $ 1.65 | $ 1.65 |
| | INDO MIE; Mee Goreng (Old Packaging) - 80g x 5 | $ 1.40 | $ 1.40 | $ 1.29 | $ - | $ 1.40 |
| 15 | **Mayonis** | | | | | |
| | LADY'S CHOICE; Real Mayonnaise - 470 ml | $ - | $ 4.55 | $ 4.29 | $ 4.90 | $ - |
| 16 | **Milo @ Malaysia** | | | | | |
| | Nestle Milo - 1 kg | $ 6.40 | $ 6.10 | $ 8.49 | $ 5.75 | $ 5.69 |
| | Nestle Milo - 1.5 kg | $ 11.30 | $ 9.85 | $ 10.19 | $ 9.25 | $ 9.99 |
| 17 | **Minuman** | | | | | |
| | BOH; Tea - 200 g | $ - | $ 2.40 | $ 2.50 | $ 2.60 | $ - |
| | LIPTON; Yellow label - 200 g | $ 2.10 | $ 2.00 | $ - | $ 3.35 | $ 2.00 |
| | NESCAFE; Classic - 200 g | $ 7.70 | $ - | $ 5.99 | $ 7.90 | $ 7.50 |
| | SEHAT; Botol - 1.5 litre | $ 0.75 | $ 0.80 | $ 0.80 | $ 0.70 | $ 0.70 |
| | SUCI; Botol - 1.5 litre | $ 0.75 | $ 0.70 | $ 0.80 | $ 0.55 | $ 0.60 |
| 18 | **Bawang** | | | | | |
| | Bawang Besar - 1 kg | $ 1.50 | $ 1.50 | $ 1.20 | $ 1.40 | $ 1.60 |
| | Bawang Putih - 1 kg | $ 2.70 | $ 2.50 | $ 2.80 | $ 2.50 | $ 3.99 |
| | Bawang Merah - 1 kg | $ 2.90 | $ 3.30 | $ 2.25 | $ 2.30 | $ 2.50 |
| 19 | **Sos** | | | | | |
| | Lee Kum Kee; Sos Tiram - 510 gm | $ - | $ 2.75 | $ 2.60 | $ 5.95 | $ 3.59 |
| | HABHAL @ CAP KIPAS UDANG; Salty Soy Sauce - 645 ml | $ 3.40 | $ 3.30 | $ 2.99 | $ 2.75 | $ 2.99 |
| | HABHAL @ CAP KIPAS UDANG; Sweet Soy Sauce - 645 ml | $ 3.50 | $ 3.45 | $ 2.99 | $ 2.90 | $ 3.39 |
| | MAGGI; Sos Cili - 340 gm | $ 1.10 | $ 1.10 | $ 1.05 | $ 1.00 | $ 1.09 |
| | MAGGI; Sos Tomato - 325 gm | $ 1.05 | $ 1.00 | $ 0.99 | $ 0.90 | $ 0.99 |
| | ADABI; Sos Tiram - 510 gm | $ 2.50 | $ 2.60 | $ 2.29 | $ 2.30 | $ 2.69 |
| | NONA; Sos Tiram - 510 gm | $ 2.00 | $ 2.05 | $ 1.79 | $ 2.10 | $ 1.99 |

*Harga barang tertakluk kepada stok

*** Senarai penuh boleh diperolehi dari aplikasi mudah alih PenggunaBijak atau laman sesawang www.depd.gov.bn/cad

Sebarang pertanyaan boleh hubungi JPKE +673223 0220 semasa waktu pejabat atau e-mel : aduanpengguna@jpke.gov.bn dan consumercomplaint@jpke.gov.bn

# Majlis Makan Malam Persidangan Majlis Alumni Jepun ASEAN

**Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 8 September. - Bagi menyambut ketibaan para peserta Persidangan Majlis Alumni Jepun ASEAN (ASCOJA) Ke-23, satu Majlis Makan Malam telah diadakan di Hotel Antarabangsa Rizqun, di sini.

Persatuan Alumni Jepun - Brunei (BAJA) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan Kedutaan Jepun di Negara Brunei Darussalam akan menjadi tuan rumah bagi persidangan tersebut yang diadakan selari dengan Simposium The Asia Japan Alumni International (ASJA) - ASCOJA dari 8 hingga 10 September 2017.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Datin Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh.

Lebih kurang 200 peserta terdiri dari alumni negara anggota ASEAN dan Jepun menyertai persidangan yang bertemakan 'Enriching ASEAN - Japan Relations Through Culture, Education and Economy' dan 'ASEAN - Japan Trade Opportunities - Tapping Into The Halal Market' yang akan menjadi tajuk utama Simposium ASJA - ASCOJA.

Terdahulu, Presiden BAJA selaku Pengerusi ASCOJA, Dr. Chin Wei Keh dalam ucapan alu-aluan, beliau berharap para peserta akan dapat memaksimakan pengalaman semasa berada di negara ini, termasuk menyertai acara walkaton pada hari Ahad 10 September nanti sempena Memperingati Ulang Tahun Ke-40 ASCOJA yang akan diadakan semasa Bandarku Ceria.

Turut hadir ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Dayang Nadia Lee Siew Hoon binti Abdullah dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap, Dayang Hajah Anis Faudzulani binti Haji Dzulkiflee.



SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Datin Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh (tengah) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Makan Malam yang diadakan di Hotel Antarabangsa Rizqun.

# UBD perkenal program pengajian baharu

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Hernie Suliana Haji Othman, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman, Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**TUNGKU,** Khamis, 7 September. - Pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada konvokeysen yang lalu bagi meningkatkan *employability* para graduan, Universiti Brunei Darussalam (UBD) bekerjasama dengan beberapa *stakeholders* yang relevan dan memperkenalkan beberapa program baharu.

UBD memperkenalkan program Ijazah Sarjana Muda baharu dalam bidang Pergigian atau Dentistry pada bulan Ogos yang lalu hasil dari kerjasama dengan Kementerian Kesihatan.

Selain dari itu, program-program latihan lanjutan bagi doktor-doktor perubatan dalam tujuh bidang kepakaran perubatan atau *specialty training programmes* juga diperkenalkan bagi membolehkan para doktor untuk meneruskan perkhidmatan semasa menjalani latihan.

Ini dijelaskan Naib Canselor UBD, Datin Dr. Dayang Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz dalam sembah alu-aluan pada Majlis Konvokesyen Ke-29 UBD Tahun 2017 yang berlangsung di Dewan Canselor, UBD, di sini.

Menurutnya, program baharu lain yang memberikan peluang belajar sambil bekerja melalui pembelajaran sepanjang hajat ialah Bachelor of Science in Digital Economy yang ditawarkan oleh Centre for Lifelong Learning (C3L) pada awal tahun ini.

Di samping, ujarnya pada bulan Ogos lalu, C3L juga memperkenalkan program sarjana baharu, iaitu Master of Government, yang mana program ini membolehkan pengajian yang telah dibuat dalam kursus-kursus Executive Development Programme (EDP) dan B100 yang diungkayakhkan oleh Jabatan Perdana Menteri bagi pegawai-pegawai kerajaan.

Tambahnya, UBD juga membuat langkah-langkah bagi memperluaskan dan mengembangkan pendidikan yang dapat memberikan impak dalam arena antarabangsa terutama sekali di rantau ini.

"Sehubungan ini, UBD dengan kerjasama rakan universiti, FPT University di Viet Nam, memulakan latihan Bahasa Inggeris di Da Nang, Viet Nam pada bulan Ogos tahun ini," sembahnya.

Jelasnya menambah, FPT University yang dipunyai oleh FPT Corporation, sebuah syarikat teknologi maklumat yang terbesar di Viet Nam juga bekerjasama dengan UBD untuk menjalankan program-program di UBD yang berkaitan dengan teknologi maklumat seperti *data analytics, internet of things, cloud computing, cyber security* dan aplikasi-aplikasi.

"Dalam hal penyelidikan, pertama kalinya pada tahun ini, UBD diklasifikasikan oleh QS University Rankings sebagai sebuah *high research intensive university.*

"Sementara dalam usaha UBD untuk mendedahkan para pelajar dalam aktiviti penyelidikan, para pelajar telah menyumbang kepada hampir 50 peratus penerbitan dari UBD," jelasnya.

Menurutnya lagi, pada Majlis Konvokesyen kali ini turut memperlihatkan penganugerahan ijazah kali pertama bagi Ijazah Sarjana *dual degree,* dengan Korea University, salah sebuah university teratas di dunia, yang mana kerjasama ini adalah antara inisiatif strategik UBD bagi meningkatkan budaya dan ekosistem penyelidikan di UBD, selain itu, UBD menambah bidang-bidang Islamic Governance dan *data analytics* sebagai bidang-bidang penyelidikan fokus utama yang baharu.



NAIB Canselor UBD, Datin Dr. Dayang Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz dalam sembah alu-aluan pada Majlis Konvokesyen Ke-29 UBD Tahun 2017.

## Teroka penggunaan Bahasa Inggeris Profesional



NAIB Canselor UTB, Profesor Dr. Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman (tengah) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pembukaan Rasmi Persidangan Antarabangsa Bersama PCBET - GLoCALL di Lecture Theater 2, UTB.

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**TUNGKU LINK,** Jumaat, 7 September. - Persidangan Antarabangsa mengenai Komunikasi Profesional bagi Perniagaan, Kejuruteraan dan Teknologi (PCBET) yang dianjurkan bersama Globalisasi dan Lokalisasi dalam Pembelajaran Bahasa Berbantukan Komputer (GLoCALL) bertujuan untuk membantu para pendidik, pengajar juga pakar industri untuk mengikuti perkembangan trend semasa dan inovasi dalam pengajaran serta pembelajaran Komunikasi Bahasa Inggeris Profesional bagi bidang-bidang berkenaan.

Persidangan selama dua hari yang bertemakan 'Ke Arah Persekitaran Pembelajaran Komunikatif' itu dianjurkan oleh Universiti Teknologi Brunei (UTB) melalui Pusat bagi Komunikasi, Pengajaran dan Pembelajaran.

Naib Canselor UTB, Profesor Dr. Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman dalam ucapannya pada Majlis Pembukaan Rasmi Persidangan Antarabangsa Bersama PCBET - GLoCALL di Lecture Theater 2, UTB berkata, telah menjadi tanggungjawab utama pendidik untuk memastikan para pelajar dapat memahami kerumitan pengetahuan dan mengekspresikan pemikiran kritikal mereka dengan pemahaman yang lebih baik, jelas serta tanggungjawab beretika.

"Aktiviti-aktiviti mengumpulkan maklumat dan pengetahuan telah menjadi lebih mencabar dan lebih kompleks. Sebagai pendidik, kita mestilah bersedia untuk mengkaji semula pedagogi kita pada masa ini. Kita perlu menekankan prinsip dan amalan yang berharga, berkesan dan dihargai," jelasnya.

Majlis pembukaan rasmi terseut dihadiri oleh para delegasi antarabangsa juga tenaga pengajar dari institusi-institusi pengajian dan tertiari tinggi serta sekolah-sekolah di negara ini.

Persidangan bertujuan untuk meneroka penggunaan Komunikasi Bahasa Inggeris Profesional dalam Perniagaan, Kejuruteraan dan Teknologi dalam konteks yang berbeza.

## Penempatan Kampung Setia mencecah usia 52 tahun



MAJLIS Doa Kesyukuran sempena Memperingati 53 Tahun Penghijrahan Penduduk Kampung Rangau ke Brunei Darussalam dan juga sempena Memperingati 52 Tahun Penganugerahan Penempatan Kampung Setia.

**Berita dan Foto : Haji Ahmad Haji Salim**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 8 September. - Tanggal 6 September 1964 merupakan tarikh keramat bagi penduduk Kampung Setia 'A' dan 'B' kerana tarikh tersebut menjadi detik bermulanya penghijrahan penduduk Kampung Rangau, Limbang ke Brunei, yang kini sudah mencapai usia 53 tahun lamanya.

Sehubungan itu, Majlis Doa Kesyukuran sempena Memperingati 53 Tahun Penghijrahan Penduduk Kampung Rangau ke Brunei Darussalam dan juga sempena Memperingati 52 Tahun Penganugerahan Penempatan Kampung Setia.

Majlis diselajurkan dengan bertahlil dan Doa Arwah yang berlangsung di Masjid Perdana Wangsa Haji Mohammad Kampung Setia, Mukim Sungai Kebun, di sini.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai yang diketuai oleh Iman Masjid berkenaan, Awang Mohd Azree bin Haji Asli, yang juga membaca Doa Kesyukuran serta bacaan Tahlil dan Doa Arwah.

Majlis diselenggarakan oleh Ahli-Ahli Jawatankuasa Kumpulan Saudara Ku Kampung Setia yang turut dihadiri oleh Ketua Kampung Setia 'A', Awang Haji Asli bin Haji Mamut, selaku Penasihat Kumpulan tersebut.




# Menyambut kepulangan Duyuf Ar Rahman

***PERLU diingat dalam bersalaman dan berpelukan hendaklah di antara lelaki dengan lelaki dan perempuan dengan perempuan sahaja. Walaupun di antara lelaki dan perempuan tersebut ada hubungan mahram kerana adalah tidak manis dan tidak elok ia dilakukan di khalayak ramai dan dikhuatiri timbul fitnah.***

**MARILAH** kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Alhamdulilah, tidak lama lagi jemaah haji negara kita Brunei Darusalam. Akan kembali dari tanah suci Mekah Al-Mukaramah. Pada lazimnya kaum keluarga dan sanak saudara mereka akan bersiap sedia mengalu-alukan kepulangan mereka dengan penuh rasa syukur dan gembira. Dalam membuat persediaan menyambut ketibaan mereka itu, maka sama-samalah kita beringat-ingat supaya sambutan yang diadakan hendaklah bersesuaian serta tidak bercangah dengan ajaran agama Islam.

Pada kebiasaannya kaum keluarga dan sanak saudara, ada yang mendirikan pintu gerbang bertulis dengan kata-kata "Selamat Kembali Ke Tanah Air dan Semoga Mendapat Haji Yang Mabrur". Di samping itu, ada juga yang menyambut dan meraikannya dengan mengadakan majlis Dikir Marhaban. Perbuatan sedemikian tidaklah menjadi kesalahan jika diniatkan untuk memuliakan dan menghormati kedatangan jemaah haji tersebut serta untuk menzahirkan rasa syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan bukannya untuk menunjuk-nunjuk atau riak. Apa yang penting sebagai umat Islam, janganlah kita menganggap perkara tersebut suatu kewajipan yang mesti dilakukan sehingga membebankan diri sendiri serta ahli keluarga.

Dalam agama Islam ada diajarkan adab-adab ketika menyambut kepulangan jemaah haji antaranya :

**Pertama :** Disunatkan bagi jemaah haji yang pulang ke tanah air untuk singgah ke masjid bagi menunaikan sembahyang sunat terlebih dahulu sebelum menjejakkan kaki ke rumah. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya :** *"Daripada Ka'ab bin Malik, sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, apabila pulang dari pelayaran, yang pertama Baginda lakukan adalah pergi ke masjid kemudian Baginda solat dua rakaat."* (Riwayat Al-Imam Muslim)

**Kedua :** Kita disunatkan untuk bersalaman, berjabat tangan dan berpelukan sebelum jemaah haji memasuki rumah, sambil mengucapkan doa yang maksudnya :

*"Semoga Allah menerima ibadah haji anda dan mengampunkan dosa anda serta mengantikan perbelanjaan yang telah anda keluarkan."*

Perlu diingat dalam bersalaman dan berpelukan hendaklah di antara lelaki dengan lelaki dan perempuan dengan perempuan sahaja. Walaupun di antara lelaki dan perempuan tersebut ada hubungan mahram kerana adalah tidak manis dan tidak elok ia dilakukan di khalayak ramai dan dikhuatiri timbul fitnah.

**Ketiga :** Jemaah haji juga adalah disunatkan membaca doa sebelum masuk ke dalam rumah, sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam :

**Maksudnya :** *"Daripada Ibnu Umar Radiallahuanhuma : Apabila engkau bertemu orang haji (yang baru balik haji) maka bersalamlah dengannya dan berjabat tanganlah dengannya dan suruhlah dia berdoa memohon keampunan untuk dirimu sebelum dia masuk ke rumahnya, maka sesungguhnya dia itu telah mendapat keampunan Allah Ta'ala (doanya adalah dimakbulkan)."* (Riyawat Al-Imam Ahmad)

Oleh itu, bagi mereka yang menyambut ketibaan Duyuf Ar Rahman seeloknya meminta kepada orang-orang balik dari menunaikan ibadah haji itu mendoakannya kerana doa mereka adalah mustajab.

Maksud doa yang dibacakan adalah :

*"Ya Allah berikanlah keampunan kepada orang yang mengerjakan haji dan kepada mereka yang dipohonkan keampunan oleh orang yang haji."*

**Keempat :** Adalah elok bagi keluarga dan saudara mara jemaah haji itu mengadakan walimah (kenduri) sederhana mengikut kemampuan sebagai tanda syukur.

Dengan ketibaan kaum keluarga atau sanak saudara yang telah menunaikan ibadah haji, mudah-mudahan kita dapat meningkatkan iman dan takwa, di samping melahirkan rasa penuh syukur kerana dapat menyambut mereka mengikut apa yang diajarkan oleh agama Islam dan menjauhi segala perkara yang bertentangan dengan akidah.

Para jemaah haji pastinya berasa gembira kerana telah berjaya menyempurnakan rukun Islam yang kelima dan dapat pulang dan bertemu semula dengan keluarga dan saudara mara.

Sama-samalah kita berdoa semoga jemaah haji khasnya jemaah haji Negara Brunei Darussalam kembali ke tanah air dengan selamat dan mendapat haji yang mambur, iaitu haji yang diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan akan terus sentiasa berzikir dan mengingati Allah Subhanahu Wata'ala dan memperolehi kebaikan hidup di dunia dan akhirat. Amin Yaa Rabbal Alamin.

Surah Al-Baqarah, ayat 200 :

**Tafsirnya :** *"Maka apabila kamu telah selesai mengerjakan ibadah haji hendaklah kamu berzikir mengingati Allah sebagaimana kamu dahulu menyebut-nyebut bapa-bapa (datuk nenek kamu), bahkan berzikirlah lebih daripada itu. Dalam pada itu, ada di antara manusia yang berdoa hanya dengan berkata : "Ya Tuhan Kami! Berilah kami kebaikan di dunia." (Orang ini diberikan kebaikan di dunia) dan tidak ada baginya sedikit pun kebaikan di akhirat."*

***KETIBAAN Duyuf Ar Rahman seeloknya meminta kepada orang-orang balik dari menunaikan ibadah haji itu mendoakannya kerana doa mereka adalah mustajab.***

***Maksud doa yang dibacakan adalah : "Ya Allah berikanlah keampunan kepada orang yang mengerjakan haji dan kepada mereka yang dipohonkan keampunan oleh orang yang haji."***

# Kunjungan hormat MMN ke RB



**SERAMAI 17 Ahli Mesyuarat Negara (MMN) yang diketuai oleh Yang Berhormat Nik Hafimi binti Abdul Haadii mengadakan kunjungan hormat ke Royal Brunei Airlines (RB).**

**Siaran Akhbar dan Foto : Royal Brunei Airlines**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 6 September. - Kunjungan hormat Majlis Mesyuarat Negara (MMN) ke Royal Brunei Airlines (RB) bertujuan untuk membina hubungan yang lebih kukuh dengan masyarakat dan mempunyai pemahaman yang lebih baik mengenai perancangan RB akan pelan perniagaannya bagi tempoh lima tahun akan datang.

Dalam Siaran Akhbar RB, lawatan hormat yang disertai 17 orang anggota MMN diketuai oleh Yang Berhormat Nik Hafimi binti Abdul Haadii diadakan pada 30 Ogos lalu.

Sementara RB diketuai oleh Lembaga Pengarah RB, Awang Ahmad Jefri bin Abd. Rahman dan Ketua Pegawai Eksekutif RB, Karam Chand.

Turut hadir semasa lawatan ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendekar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Awang Haji Sabtu dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

## KPS tonjolkan budaya dan sastera negara di Nanning, China

**Berita dan Foto : Ihsan Mohd. Zefri Ariff Mohd. Zain Ariff**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 6 September. - Bagi memperkenalkan budaya kesusasteraan Negara Brunei Darussalam dalam persembahan seni pentas di peringkat antarabangsa, Kumpulan Putra Seni (KPS) telah berlepas ke Nanning, China bagi menyertai The 5th China - ASEAN Theater Week yang akan berlangsung dari 6 September hingga 12 September 2017.

Rombongan yang diketuai Awang Mohd. Zefri Ariff bin Mohd. Zain Ariff akan mempersembahkan tiga segmen teater, iaitu mime (teater bisu / teater gerak), teater multimedia dan teater muzikal kanak-kanak. Selain itu, KPS akan membuat sesi demonstrasi atau tunjuk ajar teater di Sekolah Seni Nanning.

Ketua rombongan juga akan membentangkan kertas kerja pada China-ASEAN Art Team Leaders Summit.



**KUMPULAN Putra Seni yang diketuai oleh Awang Mohd. Zefri Ariff bin Mohd. Zain Ariff telah berlepas ke Nanning, China bagi menyertai The 5th China - ASEAN Theater Week yang akan berlangsung dari 6 September hingga 12 September 2017.**

# Tabung Dana Pembinaan Masjid kumpul lebih BND6 juta

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Hamzah Mohidin**



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yusof semasa sidang media di Bilik Mawar, Bangunan KHEU.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 8 September.- Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam telah mengumpulkan sebanyak BND6,438,587.67 sejak ia ditubuhkan pada 4 Jun 2015.

Kutipan tersebut adalah hasil daripada beberapa mekanisme kutipan di antaranya melalui penyediaan tabung-tabung dana di masjid-masjid seluruh negara dan bangunan-bangunan tertentu, pemotongan gaji bagi pegawai dan kakitangan kerajaan dan GLC, perkhidmatan SMS, melalui bank BIBD dan TAIB seperti Standing Order Contributions, Direct Walk In Contributions dan sebagainya.

Perkara itu diumumkan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yusof mengumumkan perkara itu semasa sidang media di Bilik Mawar, Bangunan KHEU, di sini baru-baru ini.

Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz juga menjelaskan, pelaksanaan pemotongan gaji sebanyak BND2 secara automatik bagi warga Perkhidmatan Awam termasuk mereka yang berkhidmat di luar negeri yang bermula sejak bulan Jun lalu berjalan dengan baik.

Katanya, walaupun pemotongan gaji tersebut bukannya mandatori akan tetapi respons yang diterima daripada penjawat awam adalah sangat menggalakkan, iaitu dianggarkan lebih 50 ribu orang penjawat awam telah membuat sumbangan ke Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam.

Tambahnya, pemotongan gaji tersebut tidak termasuk bagi individu perseorangan manakala bagi pekerja swasta, mereka boleh membuat pemotongan gaji melalui kewangan pejabat masing-masing.

Sementara bagi mereka yang bukan berugama Islam yang berhasrat untuk menyertainya adalah dibolehkan dan tiada menjadi kesalahan mengenainya.

Wang tabung dana itu jelasnya, hanya digunakan untuk membina masjid-masjid di negara ini sahaja serta lain-lain keperluan yang berkaitan dengannya termasuk menambah, membaik pulih, mengubah suai, membina semula atau memelihara mana-mana masjid yang sedia ada atau mana-mana bahagian daripadanya.

## Rancang pelaksanaan Projek Tabung Dana Pembinaan Masjid

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 8 September. - Urusetia Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam sebagai perancangan awal telah membuat anggaran kutipan tabung dana bagi tempoh lima tahun mendatang (2018 - 2023) termasuk akan menyelenggarakan beberapa projek dalam tempoh berkenaan.

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yusof menjelaskan InsyaaAllah sejumlah BND18 juta akan dapat dikumpulkan dengan purata pendapatan tahunan sebanyak BND3 juta.

Daripada jumlah itu, tambahnya, sebanyak BND3.56 juta telah diperuntukkan untuk membiayai projek pertama, iaitu pembinaan Masjid Baharu Kampung Tanjung Bunut.

"Berdasarkan anggaran jumlah kutipan secara keseluruhan bagi tempoh lima tahun tersebut, dijangkakan sebanyak empat ke lima buah masjid baharu akan dapat dibina manakala enam buah masjid untuk projek penambahan dan empat buah masjid untuk projek membaik pulih," jelasnya semasa sidang media di Bilik Mawar, Bangunan KHEU.

Selain itu, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz turut menambah, sebuah lagi masjid baharu akan dibina, iaitu Masjid Kampung Bukit Panggal Daerah Tutong dengan anggaran peruntukan antara BND2 - 3 juta berkapasiti 500 - 600 jemaah dan itu merupakan merupakan projek kedua yang dibiayai melalui kewangan tabung dana berkenaan.

Mudah-mudahan amal jariah kita yang ikhlas itu akan diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala serta kita akan mendapat ganjaran kebaikan yang berlipat kali ganda di dunia dan akhirat.

# Disiplin perlu dalam mempertahankan negara



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pertahanan, Kapten (B) Dato Paduka Abdul Rahman bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) semasa memeriksa perbarisan.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pertahanan, Kapten (B) Dato Paduka Abdul Rahman semasa menyampaikan hadiah kepada rekrut Lelaki Terbaik Keseluruhan, 52053 Rekrut Awang Md. Nurariffin bin Md. Husain.

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**TUTONG,** Jumaat, 8 September. - Mempertahankan tahap disiplin yang tinggi, di dalam ataupun luar waktu bertugas adalah satu kemestian bagi setiap anggota tentera.

Ini dinyatakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Kapten (B) Dato Paduka Abdul Rahman bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), selaku tetamu kehormat pada Upacara Perbarisan Tamat Latihan Rekrut Lelaki Pengambilan Ke-159 di Penanjong Garison dan seterusnya memeriksa perbarisan juga menyampaikan anugerah-anugerah kepada jurulatih dan rekrut-rekrut yang menunjukkan prestasi cemerlang sepanjang latihan dijalankan.

Dalam ucapan Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, objektif tugasan utama para ahli pertahanan dan tentera ialah mempertahankan kedaulatan negara.

"Tanpanya, sesebuah pasukan tentera itu akan dilihat sebagai lemah dan kurang efektif. Oleh itu, pertahankanlah disiplin awang-awang sebagai anggota tentera sehingga bila-bila masa," ujarnya.

Kapten (B) Dato Paduka Abdul Rahman juga turut mengingatkan kepada para anggota untuk sama-sama memperingatkan diri pada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Upacara Sovereign's Parade Pegawai-Pegawai Kadet Pengambilan Ke-16 baru-baru ini tentang pengorbanan untuk agama, bangsa dan negara tercinta tidak ada titik akhirnya, ia berlaku selama hayat dikandung badan.

"Baginda seterusnya bertitah bahawa semangat rela berkorban sama sekali tidak boleh padam. Kerana jika padam, maka lemahlah 'daya tahan' bangsa. Ini adalah satu mesej yang mesti kita junjung dan kita jadikan panduan pada setiap waktu sebagai anggota pertahanan, lebih-lebih lagi sebagai anggota tentera," jelasnya.

Upacara Perbarisan Tamat Latihan Rekrut Lelaki Pengambilan Ke-159 menyaksikan seramai 157 anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang menamatkan Latihan Asas Ketenteraan selama 27 minggu.

52053 Rekrut Awang Md. Nurariffin bin Md. Husain dipilih sebagai rekrut Lelaki Terbaik Keseluruhan; manakala Latihan Jasmani Terbaik ialah 52132 Rekrut (L) Awang Md. Suhairi bin Suaraday.

Kemahiran Tentera Terbaik diberikan kepada 52150 Rekrut (U) Awang Md. Syafiq Zulhimi bin Haji Suhaimi; 52056 Rekrut Awang Md. Daneeal Asyraf bin Saindi bagi Penembak Senjata Ringan Terbaik; 16819 Koperal Awang Rano Zakhran bin Tajudin pula dipilih sebagai Jurulatih Terbaik dan 17485 Sarjan Awang Julaihi bin Shari bagi Platun Sarjan Terbaik.

Turut hadir ialah Pemangku Pemerintah ABDB, Brigadier Jeneral Pengiran Dato Seri Pahlawan Aminan bin Pengiran Haji Mahmud; Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera, komandan-komandan, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan anggota-anggota ABDB serta ahli keluarga rekrut yang menamatkan latihan pada pagi itu.

# Mesyuarat Sekretariat MABBIM kemas kini agenda Sidang Eksekutif




SUASANA Mesyuarat Seketariat Ke-23 Majlis Bahasa Brunei Darussalam - Indonesia - Malaysia (MABBIM) yang telah berlangsung di Hotel Badi'ah.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 6 September. - Mesyuarat Sekretariat Ke-23 Majlis Bahasa Brunei Darussalam - Indonesia - Malaysia (MABBIM) bertujuan untuk meneliti, membincangkan perencanaan dan menindaklanjuti hasil keputusan Umum Sidang Eksekutif Ke-56 MABBIM yang lalu.

Perasmian mesyuarat tersebut berlangsung di Hotel Badi'ah yang disempurnakan oleh Ketua Sekretariat Brunei Darussalam, Pengiran Hajah Rosenani binti Pengiran Haji Halus.

Mesyuarat tersebut diwakili oleh Ketua-ketua Sekretariat dari tiga negara anggota MABBIM, iaitu Pengiran Hajah Rosenani binti Pengiran Haji Halus, Awang Haji Johari bin Hasan dan Dr. Dora Amalia, M. Hum.

Agenda mesyuarat termasuklah membahas subtema Seminar Kebahasaan MABBIM dalam rangka Sidang Pakar Ke-31 MABBIM dan Sidang Eksekutif Ke-57 MABBIM di negara ini.

Selain itu, ia juga turut mengemas kini agenda Sidang Eksekutif Ke-57 MABBIM di Brunei Darussalam.

Mesyuarat tersebut akan berlangsung selama dua hari bermula 6 hingga 7 September 2017.

## Festival Perkahwinan dapat sambutan menggalakkan

Siaran Akhbar :
Battle Pro Marketing and Management Services

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 6 September. - Festival Perkahwinan, Kawin Letop selama tiga hari yang bermula 1 September melabuhkan tirainya Ahad lepas, 3 September 2017 dengan menerima kira-kira 5,000 pengunjung.

Tarikan utama pada malam terakhir Kawin Letop ialah cabutan bertuah secara langsung yang mana tiga pasangan akan membawa pulang percutian berbulan madu percuma ke Arwana Perhentian Resort di Terengganu, Malaysia.

Sementara, 20 pasangan telah disenarai pendek pada awal petang hari tersebut, dan mereka semua menerima hadiah sagu hati berupa beg tajaan Kern & Hani Dream Wedding, dan baucar tajaan HD Studio.

Manakala, 10 pasangan teratas juga menerima baucar sumbangan Masamichi Studio selain hadiah sumbangan dari syarikat-syarikat lain.

Dayangku Marahani Hadawati binti Pengiran Omar, Mohammad Amar Hafizhat bin Mohammad Hamdini dan Haji Muhammad Mahfuz Muaz Haji Morni berserta pasangan mereka telah memenangi pakej percutian berbulan madu percuma ke Arwana Perhentian Resort.

Festival Perkahwinan selama tiga hari itu dianjurkan oleh Battle Pro Marketing and Management Services (Battle Pro MMS) yang diadakan di Goldstone Ballroom, Centrepoint Hotel, Gadong.

Festival berkenaan telah mengumpulkan butik-butik, servis fotografi dan video, jurusolek dan sebagainya, semuanya untuk memudahkan persiapan perkahwinan bagi bakal raja sehari.

Lebih 20 syarikat telah menyertai festival ini termasuk Kern & Hani Dream Wedding, HD Studio, HYS Tindulang dan banyak lagi.

YMRM dengan jualan kain murah mereka iaitu 'BND1 semeter' yang popular, dan 'Cruise Penyucian Jiwa' juga menyertai Kawin Letop dan turut menarik perhatian orang ramai untuk berkunjung ke festival berkenaan.






Diriwayatkan oleh Imam at-Tirmidzi, dari Abu Hurairah Radiallahuanhu, katanya : Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : *"Barang siapa yang menempuh satu jalan untuk mencari ilmu pengetahuan, maka Allah akan mempermudahkan baginya suatu jalan menuju ke syurga."*

- Hargai guru.
- Ucapkan tahniah dan terima kasih kepada guru.
- Mohon kepada mereka supaya doakan kejayaan dalam PSR.
- Minta nasihat daripada guru-guru mengenai teknik belajar dan juga peperiksaan.
- Dengar segala pengajaran dan nasihat guru.
- Terima segala teguran dan pembetulan dengan hati terbuka.
- Ibu bapa perlu memberikan sokongan moral.

SUMBER : KEMENTERIAN PENDIDIKAN

# STKRJ Lambak Kiri Hasilkan Minyak Tamu Lawak




PARA pengunjung tertarik dengan produk yang dijual.

Oleh : Norliah Md. Zain
Foto : Ihsan Syarikat Dayang Hajah Zeliha Haji Menudin dan anak-anak dan Blog STKRJ Lambak Kiri

**Kenali Negara Kitani**

RUANGAN Kenali Negara Kitani kali ini memperkenalkan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Kampung Lambak Kiri dan kawasan sekitarnya yang terletak di bawah Mukim Berakas 'A'.

STKRJ Lambak Kiri merupakan kawasan pertama bagi Daerah Brunei dan Muara yang telah dirancangkan dan dikenal pasti untuk dimajukan bagi skim ini, yang mana seluas 81 hektar tanah telah diperuntukkan.

Penduduk STKRJ Lambak Kiri mula berpindah pada tahun 1992-1993. Terdapat dua jenis perumahan yang terdapat di sini, iaitu jenis batu dan kayu.

Kampung ini diketuai oleh Awang Haji Hamdani bin Omar yang telah dilantik pada 1 Mei 1995. Beliau yang sudah mengetuai kampung ini selama 22 tahun merupakan ketua kampung yang pertama bagi kawasan tersebut.

Kampung ini merangkumi kawasan perumahan di STKRJ, Perkhemahan Berakas dan Kampung Lambak Kiri serta mempunyai keluasan 1,616.45 hektar.

**PRODUK**

Minyak Tamu Lawak (Minyak Temulawak) merupakan produk yang diangkat sebagai 'Satu Kampung Satu Produk' (1K1P) di STKRJ Lambak Kiri dan sekitarnya.

Ia dikembangluaskan lagi penghasilannya oleh MPK bersama pengusaha produk berkenaan. Pihak MPK menerima sumbangan secara berterusan hasil dari jualan berkenaan. MPK STKRJ Lambak Kiri dan kawasan sekitarnya juga membantu dalam memasarkan produk berkenaan dengan menyertai pameran dan jualan.

Minyak Tamu Lawak atau dalam nama saintifiknya ialah 'Curcuma Xanthorrhiz' ialah sejenis tumbuhan herba yang boleh didapati di Negara Brunei Darussalam.

Minyak Tamu Lawak ini boleh dikatakan sebagai minyak urut pertama di negara ini yang dikeluarkan dan diusahakan oleh syarikat anak tempatan Dayang Hajah Zeliha binti Haji Menudin dan anak-anak dan dijadikan Projek 1K1P yang telah dijalankan dan mencapai kejayaan peringkat dalam negara mahupun serantau.

Produk ini telah dijual di gerai-gerai pameran dan di tamu-tamu di negara ini. Selain dalam negara, pengusaha juga telah menyertai jualan di peringkat serantau antaranya di Lawas, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan pada tahun 2012. Pada tahun ini, pengusaha juga mengikuti ekspo di Nanning China pada 8 hingga 16 September 2017.

Menyentuh mengenai ramuan, minyak ini mengandungi campuran ramuan herba temu lawak, banglai, temu putih, halia merah, minyak kelapa dan minyak zaitun dan digunakan sebagai minyak urut bagi melegakan sengal-sengal, ngilu-ngilu, terseliuh, bisul, jerawat, bengkak- bengkak, sesak nafas, masuk angin dan sakit kepala.

Memandangkan minyak ini dibacakan ayat-ayat suci Al-Quran, pengusaha menasihati pengguna agar tidak melangkahi minyak tersebut.

Selain Minyak Tamu Lawak, pengusaha juga telah mempelbagaikan produk keluaran syarikatnya, iaitu pembuatan ubat-ubatan tradisional bagi wanita lepas bersalin.

Bagi orang ramai yang berminat untuk mengetahui lebih lanjut bolehlah menghubungi +673 8916376, +673 8871107 atau +673 2390665 atau berkunjung ke alamat No. 3, Simpang 637-93, STKRJ Kampung Lambak Kiri.




MINYAK Tamu Lawak (Minyak Temulawak) merupakan produk 'Satu Kampung Satu Produk' (1K1P) di STKRJ Lambak Kiri dan sekitarnya.





PENGUNJUNG luar negara juga turut tertarik dengan produk-produk tempatan yang dijual (kiri), sementara gambar kanan, antara ramuan yang digunakan untuk membuat Minyak Temulawak.

# Sukan Para ASEAN Ke - 9 : Atlet Brunei berazam rebut pingat emas

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 6 September. - Penyertaan atlet Negara Brunei Darussalam ke Sukan Para ASEAN sejak tahun 2001 sentiasa berkesudahan dengan kutipan pingat-pingat yang boleh dibanggakan.

Pada edisi kesembilan sukan dwitahunan tersebut yang akan diadakan di Kuala Lumpur, Malaysia dari 17 hingga 23 September 2017 nanti, atlet-atlet olahraga dan tenpin boling yang pernah meraih pingat emas berazam untuk mengekalkan prestasi masing-masing dalam acara yang dipertandingkan.

Bagi atlet boling, Awang Saidin bin Haji Awang Damit, kejayaan beliau bersama rakan sepasukan dalam temasya di Singapura pada tahun 2015 meraih satu pingat emas melalui Kategori 'Double' dan dua pingat gangsa melalui 'Single' dan 'Trios'.

"Kami berharap akan dapat mengekalkan rekod pencapaian kami, dan memecahkan poin yang diraih semasa di Singapura yang lalu," ujarnya.

Atlet olahraga acara lempar cakera dan lontar peluru, Awang Alihan bin Muda pula berazam untuk mendapatkan pingat emas seperti sebelumnya dan berharap agar semua atlet mendapat kejayaan yang lebih cemerlang dalam kejohanan tahun ini.



ATLET berkerusi roda bagi acara olahraga, Awang Alihan bin Muda akan menyertai lempar cakera dan lontar peluru.



ATLET boling negara, Awang Saidin bin Haji Awang Damit berazam untuk mengekalkan prestasi pasukan beliau pada Sukan Para ASEAN Ke-9 tahun ini.

# JPM menang tipis tewaskan KHEU

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Azmah Haji Ahad



ANTARA aksi perlawanan di antara pasukan Jabatan Perdana Menteri menentang pasukan Kementerian Hal Ehwal Ugama pada Perlawanan Bola Sepak Piala Keputeraan 2017 di Kompleks Sukan Berakas.

**BERAKAS**, Rabu, 6 September. - Pasukan Jabatan Perdana Menteri (JPM) menang tipis selepas menewaskan pasukan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), 2 - 1 pada Perlawanan Bola Sepak Piala Keputeraan 2017 di Kompleks Sukan Berakas, di sini.

Pada perlawanan itu, Mohamed Azmi Haji Zainin berjaya menyumbangkan dua gol bagi JPM pada minit ke-27 dan ke-38.

Sementara itu, jaringan gol bagi KHEU disumbangkan oleh Awang Jamrin bin Haji Johari pada minit ke-57.

Kejohanan tersebut merupakan salah satu acara perayaan sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-71.

Piala Keputeraan merupakan anjuran Jawatankuasa Tertinggi Kejohanan Bola Sepak Keputeraan 2017 dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan dan Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD).

# Keletihan bukan satu alasan - Fujiwara



ANTARA aksi perlawanan di antara pasukan Brunei menentang pasukan Viet Nam pada Kejohanan Persekutuan Bola Sepak ASEAN (AFF) Bawah - 18.

Siaran Akhbar :
Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam
Foto : Myanmar Football Federation

**YANGON**, Jumaat, 8 September. - Jurulatih Skuad Bola Sepak Kebangsaan Bawah 18 Tahun, Takao Fujiwara tidak mahu menganggap jadual ketat Brunei pada Kejohanan Persekutuan Bola Sepak ASEAN (AFF) Bawah - 18 sebagai alasan memperoleh keputusan yang tidak memuaskan.

Pasukan Brunei menentang pasukan tuan rumah, Myanmar malam ini dalam perlawanan ketiga, Kumpulan 'B' mereka dalam masa enam hari.

Pasukan Fujiwara memulakan kempen mereka di Yangon, Myanmar, dengan kemenangan 3 - 2 menentang pasukan Filipina pada Selasa lepas dan tewas di tangan pasukan Viet Nama, 8 - 1 pada perlawanan kedua pada Khamis lalu.

Sementara itu, pasukan Myanmar pula kalah, 2 - 1 kepada pasukan Indonesia dalam perlawanan pembukaan pada Selasa lepas.

Pasukan Brunei perlu bekerja lebih keras untuk bangkit dan mengalahkan pasukan Filipina dengan aksi yang lebih baik dan Fujiwara mengakui keletihan adalah punca utama kekalahan mereka dalam perlawanan menentang pasukan Viet Nam.

Bagaimanapun, beliau berkata, pemainnya perlu mengenepikan soal keletihan apabila mereka bertemu pasukan Myanmar.

"Dalam perlawanan menentang pasukan Viet Nam, pemain negara kelihatan begitu keletihan selepas 70 minit perlawanan kerana baru sahaja selesai menentang pasukan Filipina pada Selasa lalu dan bererti kami hanya mempunyai satu hari, iaitu Rabu untuk berehat," kata Fujiwara semalam.

"Bagi pasukan Viet Nam, ia adalah perlawanan pertama mereka pada kejohanan. Begitu juga untuk perlawanan seterusnya, pasukan Myanmar akan berehat selama tiga hari, jadi ramai pemain mempunyai wakut rehat yang cukup.

"Tetapi bagi pasukan Brunei. Kita perlu berusaha lebih kuat dan cuba untuk mendapatkan beberapa mata," katanya.

Sebelum sampai ke Yangon pada Jumaat lepas (1 September), pasukan negara berada di Jepun mulai 20 Ogos bagi Program Pertukaran Bola Sepak yang dianjurkan oleh Japan Foundation Asia Centre dan Persatuan Bola Sepak Jepun, di mana mereka bermain menentang pasukan belia Liga Jepun dan pasukan sekolah tinggi.

Program tersebut bertujuan untuk mengukuhkan pasukan bola sepak Asia dan memudahkan interaksi selanjutnya di antara negara-negara ASEAN dan Jepun, sepanjang berada di sana, pasukan negara menjalani latihan di J-GREEN SAKAI (Sakai Pusat Latihan Bola Sepak Kebangsaan) di Osaka.

Menurut Tokyo 2020 Olympics Pre-Games Training Camps Online Guide, J-GREEN SAKAI adalah salah satu pusat latihan olahraga terbesar di Jepun untuk atlet peringkat tertinggi dan mempunyai lima padang rumput semula jadi, 11 padang rumput tiruan dan lapan padang futsal.

Fujiwara berkata, Brunei perlu bermain lebih banyak pada peringkat tinggi, seperti di Jepun dan kempen semasa mereka di Myanmar untuk memperbaiki mutu permainan mereka.

"Di Jepun, pasukan kem latihan semua bermain di peringkat ini - walaupun pasukan sekolah menengah biasa," katanya.

"Walaupun kita tewas kepada pasukan Viet Nam, saya bangga dengan pemain saya kerana kami mampu menjaringkan gol ke atas lawan. Kami sentiasa perlu menyertai permainan intensiti tinggi seperti ini.

"Saya pasti jika kita melakukannya, pasukan bola sepak negara pasti mampu menentang lebih banyak pasukan-pasukan bola sepak negara yang kuat," tambahnya.

Permainan lain dalam kumpulan sama hari ini bakal menyaksikan pertemuan di antara pasukan Viet Nam dengan pasukan Filipina.

# Kedudukan skuad B-18 masih belum selesa

Siaran Akhbar dan Foto :
Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam



JURULATIH Skuad Bawah 18 Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, Takao Fujiwara.

**YANGON**, Rabu, 6 September. - Meskipun skuad Bawah 18 (B-18) Kebangsaan Negara Brunei Darussalam memenangi perlawanan menentang pasukan Filipina 3 - 2 dalam perlawanan pembukaan Kejohanan Persekutuan Bola Sepak ASEAN (AFF) Bawah 18 di Yangon, Myanmar namun Jurulatih Pasukan B-18, Takao Fujiwara menyatakan beliau tidak terbawa-bawa dengan kemenangan tersebut.

Dalam Siaran Akhbar NFABD, pasukan Brunei kini berada di tangga teratas Kumpulan 'B' walaupun pasukan Indonesia yang juga memperoleh tiga mata, berada di tangga kedua selepas menewaskan pasukan tuan rumah Myanmar dalam perlawanan lain. Pasukan negara akan berdepan dengan pasukan Viet Nam pada 12 September ini pada pukul 4.30 petang waktu setempat.

Menurut Takao Fujiwara, berada di tangga teratas bukanlah alasan bagi pasukannya untuk menjadi terlalu yakin dalam kejohanan tersebut.

"Mengenai perlawanan menentang Viet Nam, saya tidak dapat memberitahu rancangan saya tetapi mengenai perlawanan menentang Filipina, saya bangga dengan para pemain kerana memenangi permainan dan bekerja keras.

Tidak ramai yang bertanya mengenai kami semasa persidangan akhbar sebelum perlawanan, jadi saya agak kecewa dengan itu. Jadi saya mahukan kemenangan ini untuk menunjukkan kepada rakyat Brunei bahawa jika kita bekerja keras, kita boleh mendapatkan sesuatu dan saya bukan hanya bercakap mengenai keputusan," tegasnya.

Selepas perlawanan menentang Viet Nam, Brunei akan menjadi tuan rumah kepada Myanmar pada 16 September dan seterusnya menamatkan perlawanan peringkat kumpulan menentang Indonesia pada 19 September.

# Sukan

## INFO SUKAN

TIGA atlet Negara Brunei Darussalam terpilih mewakili negara dalam acara sukan bertaraf dunia, iaitu Sukan Olimpik Rio, 2016. Mereka ialah dua atlet olahraga, Awang Mohd. Fakhri bin Ismail dan Dayang Maizurah binti Abdul Rahim dan seorang atlet badminton, Jaspar Yu Woon Chai.

ePaper Pelita Brunei

# Atlet kurang upaya diharap raih kecemerlangan

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi menyampaikan ucapan suntikan semangat kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Para ASEAN Ke-9, Kuala Lumpur, Malaysia.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 6 September. - Sejak Negara Brunei Darussalam menyertai Sukan Para ASEAN yang diperkenalkan bermula tahun 2001 hingga ke tahun ini, para atlet kurang upaya negara tidak pernah pulang dengan tangan kosong di mana sebanyak 34 pingat emas, 34 perak dan 46 gangsa dikumpul sejak lapan kali penyertaan negara ke temasya sukan berprestij dwitahunan itu.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof percaya dengan misi yang sama akan membangkitkan lagi semangat para atlet kurang upaya dalam meraih kecemerlangan bagi mengulangi atau memperbaiki rekod kejayaan yang lalu, dalam erti kata lain, pemergian yang menyambut lambaian pingat emas.

Demikian ucapan suntikan semangat Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan kepada para atlet kurang upaya negara pada Majlis Penyerahan Bendera Kebangsaan kepada kontinjen negara yang akan menyertai Sukan Para ASEAN Ke-9 Tahun 2017 di Kuala Lumpur, Malaysia.

Majlis berlangsung di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat juga memperingatkan atlet-atlet negara khususnya kontinjen negara ke Sukan Para ASEAN kali ini agar sentiasa menjaga nama baik dan imej negara, mengekalkan disiplin yang tinggi dan sentiasa menjauhkan diri daripada mengambil barang-barang terlarang dalam sukan.

"Segala pengambilan bahan hendaklah diperiksa dan disahkan terlebih dahulu oleh pihak Pusat Perubatan dan Penyelidikan Sukan. Perlu diingat mana-mana atlet yang didapati bersalah dalam pengambilan bahan yang terlarang dalam sukan, bukan sahaja akan dikeluarkan dari bertanding serta digantung penyertaan mereka dalam sukan masing-masing dalam tempoh yang ditetapkan, bahkan akan mencemarkan nama baik dan imej negara kitani," tegas Yang Berhormat.

Terdahulu, ucapan alu-aluan disampaikan oleh Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Zafri bin Haji Mohamed.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof menyerahkan bendera negara kepada Chef de Mission, Awang Haji Rosmadee bin Haji Md. Daud selaku Ketua Kontinjen Negara Brunei Darussalam.

Dalam majlis tersebut, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyerahkan bendera negara kepada Chef de Mission, Awang Haji Rosmadee bin Haji Md. Daud selaku Ketua Kontinjen.

Temasya Sukan Para ASEAN merupakan kejohanan sukan yang diadakan setiap dua tahun secara *back-to-back* selepas Sukan Asia Tenggara untuk atlet-atlet Asia Tenggara yang kurang upaya sejak diperkenalkan pada tahun 2001.

## Tahukah Awda

**MUZIK** tradisi Brunei merupakan salah satu khazanah berharga Brunei Darussalam sejak zaman-berzaman. Sultan Bolkiah yang merupakan Sultan Brunei Ke-5, diberi gelaran Nakhoda Ragam kerana baginda sentiasa membawa bersamanya Orkestra Gulintangan semasa dalam pelayaran.

Permainan Muzik Gulintangan merupakan salah satu daripada cabang seni muzik tradisional. Sebuah Orkestra Gulintangan terdiri dari gulintangan, tawak-tawak, gong, canang dan gendang labek.

**SUMBER :** Melayu Islam Beraja, Negaraku Brunei Tercinta, Tahun 7, Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam dan Star Publishing Pte. Ltd.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ketika bergambar ramai bersama kontinjen negara yang akan menyertai Sukan Para ASEAN Ke-9 Tahun 2017 di Kuala Lumpur, Malaysia.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

## BERSAMA MENUJU ASEAN YANG SIHAT

دتربيتكن اوليه جاباتن ڤنراڠن، جاباتن ڤردان منتري دان دچيتق اوليه جاباتن ڤرچيتقن كراجائن، نڬارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.